

BAB EMPAT


PENGALAMAN APLIKASI DIALOG KEHIDUPAN KOMUNITI CINA TERENGGANU SELEPAS KONVERSI.

4.0 Pendahuluan.

Bab yang ke empat ini membincangkan objektif yang kedua iaitu aplikasi pengalaman dialog kehidupan dalam kalangan komuniti Cina pasca konversi di negeri Terengganu. Justeru itu, penulis menyentuh fenomena pemelukan agama Islam yang berlaku di negeri Terengganu, faktor yang mendorong komuniti Cina memeluk agama Islam, hubungan intra etnik dan dialog kehidupan intra etnik. Turut dijelaskan pengalaman hubungan inter etnik, dialog kehidupan inter etnik dan peranan badan dakwah dan NGO di negeri Terengganu dalam aplikasi dialog kehidupan di negeri Terengganu. Selain itu, turut dijelaskan tentang toleransi unggul, hikmah dalam dialog dan dialog kehidupan mengikut batas syariat Islam yang ditonjolkan oleh komuniti Cina Muslim. Data primer diperolehi melalui pendekatan temu bual dan pengalaman turut serta penulis dalam perkongsian aktiviti bagi melihat lebih terperinci fenomena dialog kehidupan yang sebenar berlaku dalam komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. Dengan demikian, kajian temu bual dilakukan ke atas beberapa orang tokoh yang berkait rapat dalam kehidupan komuniti Cina Muslim Terengganu. Termasuk juga di sini, temu bual dilakukan ke atas 20 orang komuniti Cina Muslim yang telah melakukan pemelukan agama Islam.

Berdasarkan data dari Pejabat Agama Negeri Terengganu, seramai 2043 orang telah memeluk agama Islam di negeri ini dari tempoh 1990 hingga 2011. Jumlah 523 orang daripadanya adalah terdiri daripada masyarakat Cina.¹ Manakala jumlah pemeluk agama Islam mengikut daerah-daerah di negeri Terengganu dari tahun 2000 hingga 2011 adalah sebagaimana carta pai 4.1 di bawah:

Carta Pai 4.1: Peratus Dan Bilangan Yang Memeluk Islam Di Negeri Terengganu Mengikut Daerah Dari Tahun 2000-2011.




Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu (2012).

Maklumat dari carta pai di atas menunjukkan bahawa kebanyakan konversi agama berlaku di daerah Kuala Terengganu iaitu melibatkan 36.36% daripada jumlah keseluruhan pemeluk agama Islam. Peranan Kuala Terengganu sebagai pusat pentadbiran negeri, pusat keilmuan dan pusat pelancongan utama di negeri ini mendorong majoriti masyarakat bukan Muslim di negeri Terengganu menetap di daerah ini. Justeru, ianya menjadi justifikasi utama mengapa Kuala Terengganu mencatatkan

¹ Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu. (2012).

kadar pengislaman yang cukup tinggi berbanding daerah-daerah lain. Biarpun begitu, masyarakat Cina di daerah lain kebanyakan datangnya dari kawasan Kuala Dungun, Dungun dan Chukai, Kemaman yang sememangnya didiami oleh komuniti ini sejak dahulu lagi. Mengambil kira rekod kemasukan Islam dari tahun 2000-2011 di negeri Terengganu, didapati masyarakat Cina merupakan etnik yang terbesar memeluk agama Islam di negeri Terengganu mewakili 53 % daripada jumlah keseluruhan. Berdasarkan kepada warga negara Malaysia yang memeluk Islam di negeri Terengganu bagi tempoh 2000-2011 adalah dijelaskan sebagaimana carta pai 4.2 di bawah:

Carta Pai 4.2: Peratus Dan Bilangan Yang Memeluk Islam Di Negeri Terengganu Mengikut Kelompok Etnik Dari Tahun 2000-2011.



Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu (2012).

Data di atas juga mengambil kira pendaftaran beragama Islam di Terengganu dalam kalangan etnik dari negeri-negeri lain termasuk dari Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, ianya juga menunjukkan bahawa peratus pemeluk agama Islam yang tinggi turut berlaku dalam kalangan etnik India dan lain-lain. Menurut Abdul Halim wujud masyarakat *non* Muslim yang bukan penduduk jati negeri Terengganu memeluk agama

Islam kerana faktor menetap lama di negeri ini sama ada belajar di Institusi pengajian Tinggi atau bekerja.²

4.1 Hubungan Intra Etnik Selepas Konversi.

Dalam konteks hubungan masyarakat Cina pasca konversi agama Islam dengan masyarakat asal di negeri Terengganu adalah sebagaimana dijelaskan oleh Abdul Halim:

“Bergantunglah ada yang masuk Islam tu, [keluarga tak marah, ada yang bertahun-tahun ada yang sampai sekarang ... ada yang sampai serang pejabat]pun ada .. keluarga dia serang pejabat..nak caj bahawa dia masuk Islam tidak sah”.³

Frasa singkat temu bual di atas mencerminkan bahawa masyarakat Cina yang melakukan konversi agama Islam di negeri Terengganu akan melalui beberapa bentuk hubungan dengan keluarga asal. Ini juga dijelaskan oleh Sabastian dan Parameswaran bahawa empat bentuk hubungan intra etnik berlaku dalam penukar agama baru iaitu dari hubungan yang bermula dengan tegang hinggalah kepada peringkat yang harmoni.⁴ Perihal ini juga diperjelaskan oleh Suraya Sintang bahawa hubungan Saudara Baru pasca konversi iaitu hubungan tegang, neutral, hubungan yang bersifat akomodasi dan hubungan yang saling menyokong.⁵ Secara terperinci, fenomena hubungan intra etnik pasca konversi masyarakat Cina di negeri Terengganu dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

² Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

³ *Ibid.*

⁴ Sabastian, R & Parameswaran A. “Conversion and the Family: Chinese Hare Krishnas”, *Journal of Contemporary Religion* Volume 22, Issue 3, (2007) 341-59.

⁵ Suraya Sintang, “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru”, 282-98.

4.1.1 Hubungan Yang Tegang

Paresmawan menjelaskan bahawa hubungan yang tegang merangkumi konflik yang tinggi (*high levels of conflict*) dan kurang perundingan (*low levels of consensus*) yang membuahkan kemarahan dan kepahitan hidup yang melibatkan pemeluk agama baru dan ahli keluarga.⁶ Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan hubungan Saudara Muslim Cina dengan ahli keluarga non Muslim berhadapan dengan suasana tegang. Selain berhadapan dengan kemarahan keluarga yang berulang-ulang, responden juga dipujuk agar kembali semula kepada ajaran asal. Walaupun polemik pada satu waktu pernah berlaku, namun secara umumnya boleh dikatakan bersifat harmonis. Berbeza dengan situasi pemeluk agama Islam, ianya menyerlahkan konflik dan perbezaan pendapat dalam kalangan ahli keluarga. Gambaran senario tersebut adalah sebagaimana berikut:

“Keluarga [pada peringkat awal tu memang tak boleh terima], bila dapat tahu dia memang marah lah, tak bagi kita masuk Islam ..kita nak buat macam mana memang terbuka dah hati nak masuk Islam. Masa mula-mula masuk Islam tuu duduk rumah kawan .. duduk saya dua hari saja, lepas itu balik rumah mak ... tapi mak dok tahu lagi lah .. bila dia tahu tu [memang dia marahlah]”⁷

Begitulah bunyi pengakuan responden Resp # 12 (Hokkien) yang telah memeluk agama lebih daripada 20 tahun yang pada asalnya mempunyai hubungan akrab dengan ibunya. Pandangan beliau ini disetujui oleh Resp # 07 (Hokkien) menerusi kenyataannya seperti berikut:

“[Bila dengar nak masuk Islam tu.. mak ayah bising lah..terutamanya mak..sampai menangis-nangislah]. Masa tu Nurul kabor (bagi tahu) nak masuk Islam sebab nak kahwin dengan orang Melayu. Lepas tuu, lepas

⁶ Sabastian, R & Parameswaran A. ‘Conversion and the Family: Chinese Hare Krishnas’, 347.

⁷ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

mak tok leh (tidak boleh) terima, Nurul duduk rumah kawan Melayu... [sampailah ayah pujuk balik.. suruh masuk Buddha balik]”⁸

Dalam berhadapan tempoh hubungan yang tegang ini, keluarga Saudara Baru berusaha untuk cuba memisahkan anaknya yang berkahwin dengan pasangan berbangsa Melayu. Menurut Mohd Shahrul, perkahwinan campur yang juga dikenali perkahwinan eksogami merupakan perkahwinan silang antara kaum atau perkahwinan campur yang melibatkan dua budaya yang berbeza.⁹ Perkahwinan campur ini banyak diaplikasikan dalam komuniti Saudara Muslim Cina di Terengganu sehingga melahirkan komuniti baru (kacukan Melayu-Cina). Kecenderungan kemarahan ahli keluarga bukan Muslim menjadi reda ini berkait rapat apabila responden menerima zuriat di mana wujud keperluan satu konsensus bersama dilakukan agar ianya tidak mengundang permasalahan yang baru. Perkara ini telah dinyatakan sebagaimana berikut:

“Saya masuk Islam tanpa pengetahuan keluarga, dia tak tahu. Setelah saya kahwin, ada pekerja di Somei tu beritahu ayah saya.. jadi ayah saya terkejut.. dia mari dengan mak saya ..[dia nak pisahkan saya dengan isteri saya .. bila dapat anak yang pertama.. ibu bapa baik sedikit hubungan dengan saya]”¹⁰

Pada peringkat permulaan, kemelut hubungan Saudara Muslim hanya bergerak di sekitar keluarga terdekat, namun begitu ianya terus berkembang apabila masyarakat Cina setempat dan rakan-rakan merancakkan lagi konflik hubungan antara Saudara Muslim dengan bukan Muslim. Hal ini boleh di fahami oleh kajian yang dilakukan oleh Wang yang menganggap generasi komuniti Cina Muslim mengalami proses asimilasi budaya

⁸ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁹ Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. “Jati Diri Kaum Dan Perpaduan Negara: Kajian Kes Cina Peranakan Kelantan Di Malaysia”, *Kajian Malaysia*, Vol. 32, No.1, 2014, 127.

¹⁰ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

dengan masyarakat Melayu Muslim.¹¹ Ini bermakna secara signifikan generasi Saudara Muslim Cina akan kehilangan pengaruh (budaya) kerana telah disesuaikan dengan budaya majoriti atau kaum yang kuat. Disebabkan kebanyakan komuniti Saudara Muslim tinggal di tengah-tengah masyarakat Melayu, sekali gus komuniti ini beradaptasi dengan budaya masyarakat di persekitaran mereka sama ada secara cepat atau perlahan. Lantaran itu, masyarakat Cina bukan Muslim akan memanggil dengan perkataan yang tidak menyenangkan seperti ‘babi’ atau memandang serong terhadap seorang Cina yang memeluk agama Islam. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Lepas masuk Islam...[orang Cina caci saya dengan kata macam-macam, macam babi.. mak marah jugak]..lepas itu saya tidak duduk di rumah.. saya tidur tempat saya keje..lepas itu jugak tauke tempat saya kerja, [pandang serong]... lepas 2 tahun baru baik semula dengan mak saya”.¹²

Hubungan yang tegang biasa terjadi kerana adanya perbezaan kepercayaan dan pemikiran. Ternyata konflik akan terus berlaku selama egoisme tetap dipertahankan dengan merasakan tidak ada keperluan untuk memahami perbezaan yang ada dalam agama orang lain. Berdasarkan transkrip dibawah, Resp # 10 (Hokkien) mengambil sikap tidak mempedulikan sikap kemarahan keluarga terhadap pemelukannya Islamnya. Hal ini dapat difahami melalui ujaran di bawah:

“[Masa tuu saya dok wak cara ahh (tidak ambil peduli) dia kata apa pun saya wak dok tau je] .. jadi balik sekejap-sekejap gitu ah .. maknanya dalam sebulan dua bulan saya balik sekali tengok ayah saya .. selepas saya balik tuu ayah saya kita marah sangat tu tidak lah.. biarlah mu masuk Islam .. mu masuk Islam lah”.¹³

“Keluarga tu biasalah..kalau sebut masuk Islam [keluarga bantahlah amat sangatlah termasuk sayalah]. Masa tu dalam tempoh sebulan duduk

¹¹ Wang, R. M., *Ethnicization of Islam in Malaysia and Its Effect On The Malaysian Chinese Muslims. First International Conference of The Asian Philosophical Association. The Vision of The Asian Community.* 29 September – 2 October 2005. Istanbul, Turkey. 290.

¹² Resp # 02 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

¹³ Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

rumah mak lagi lah..hari hari bising, macam-macam, macam pergi bomoh orang ni yang masuk Islam supaya dok masuk Islam dia buat... maknanya masyarakat Cina yang masuk Islam ni, dia pergi cari supaya dok masuk Islam, lain daripada Islam dok apa. Saya ambik masa jugak lah nak baik dengan keluarga...[lepas saya keluar rumah tiga tahun tuu saya baik semula dengan keluarga].¹⁴

“[Mak ayah tu marah kat kita, bunyi nak tembak kita].. lepas tu 4 tahun saya dok balik, lepas bila aku balik dia dok kenal aku... lama dia check aku, aku bawak jugak ayah angkat aku baru dia rai kat aku, dia sambut moleklah dia dok marah lah”.¹⁵

Mengambil kira ‘tinggal sebambung’ akan menimbulkan perbalahan yang berpanjangan sekiranya kedua-dua belah pihak enggan beralah. Responden mengambil jalan keluar dengan tinggal berasingan dan dalam masa yang sama turut membentuk semacam kekuatan dalam dirinya. Ini adalah punca Resp # 17 (Hokkien) dan Resp # 20 (Hokkien) tidak tinggal lagi bersama keluarga dalam tempoh yang lama. Biar pun begitu, kestabilan keadaan telah memangkinkan semula pembinaan hubungan Saudara Muslim dengan keluarga asal. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh responden di bawah sebagaimana berikut:

“Ayah tak dok.. [mak sama gok mula-mula tak boleh terima], lama sedikitkan boleh laa”.¹⁶

“[Saya dok baik dengan ayah saya tak lama mana dalam dua tahun]. Semasa kes baik dengan ayah saya kes adik saya ahh.. sebab orang nok gocoh (bergaduh)”.¹⁷

Berdasarkan dapatan di atas, didapati ramai dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan konversi agama Islam menerima tentangan daripada keluarga asal khususnya daripada ibu bapa atau adik-beradik. Namun begitu tempoh tegang tidaklah mengambil masa yang agak lama, kelazimannya apabila masyarakat Cina Muslim berkahwin

¹⁴ Resp # 17 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

¹⁵ Resp # 20 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

¹⁶ Resp # 04 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

¹⁷ Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

dengan masyarakat Melayu Muslim dan memperoleh zuriat, hubungan akan kembali pulih. Pada peringkat awal pengislaman, masyarakat Cina mengambil langkah berdiam diri atau tinggal berasingan daripada keluarga asal. Saudara Baru cuba memulihkan kembali hubungan dengan kerap kali menziarahi keluarga atau tinggal dengan keluarga beberapa seketika. Mengambil kira daripada latar belakang responden, didapati corak hubungan tegang yang bersifat sementara ini banyak berlaku dalam kalangan komuniti Cina yang tinggal di kampung dan kelompok yang bermigrasi ke negeri Terengganu.

Selain daripada itu, bentuk hubungan yang memaparkan ‘tegang yang agak lama’ tercermin melalui tempoh konflik yang berlaku. Hubungan yang bermasalah ini memerlukan masa yang agak panjang, apatah lagi tentangan datangnya dari tokoh yang dihormati dalam keluarga. Pendek kata, menggunakan pendekatan yang berhemah diharap akan terjalin hubungan baharu dengan sikap yang lebih terbuka terhadap perbezaan yang wujud dalam agama, namun ahli keluarga masih nekad untuk tidak menerima pengIslamannya. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana penceritaan di bawah:

“[Lama juga dekat sepuluh tahun saya] buat baik dengan mak saya.. saya bawa beras.. mak saya sakit kencing manis .. beras taj mahal”.¹⁸

“dia kalau papa tak marah, dia adik beradik mana boleh marah [sebab kita *Chinese* keluarga aa kita kena respect yang tua]...”¹⁹

Keunikan yang ada dalam adat resam komuniti Cina ialah orang tertua dalam keluarga dilihat mempunyai pengaruh yang sangat besar. Lantas, apabila orang yang berpengaruh dari kalangan keluarga Saudara Baru meninggal dunia, responden tidak lagi berhadapan

¹⁸ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹⁹ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

halangan yang besar untuk melakukan hubungan yang baik dengan ahli keluarga yang lain.

Selain daripada itu, wujud dalam kalangan keluarga bukan Muslim mengambil jalan untuk ‘menutup hubungan’ sungguhpun pelbagai pendekatan dan program dilakukan oleh responden, masih tiada tanda-tanda bahawa polemik itu akan terhakis atau membawa kepada hubungan harmoni yang diidam-idamkan. Abdul Halim memperincikan kenyataan ini dengan menyatakan” ugutan yang diterima dari keluarga menyebabkan Saudara Baru nekad mengambil keputusan untuk tidak lagi menghubungi keluarga asal”.²⁰ Hasilnya, hubungan antara Saudara Muslim dengan ahli keluarga bukan Muslim mencipta satu masalah sosial yang dibentuk melalui perbezaan kepercayaan. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana dalam transkrip di bawah:

“Jadi kita fikir, fikir lama cukup kita fikir bertahun-tahun jugak lah... mungkin saya dapat hidayah daripada Allah taala saya lari dari rumah ...[memang dok boleh ah sebab mak kita nak bunuh kita]”.²¹

“[Sekarang masih tak baik lagi, kalau mesej pun memang tak jawab ah], kalau jawab memang tentanglah.. sekarang kalau saya baik pun dengan mak saudara, tok saudara..pernah lah melawat rumah, masa cutilah”.²²

Memburukkan lagi keadaan, pergolakan dalam rumah tangga Saudara Muslim turut menyumbang hubungan yang tertutup dengan antara ahli keluarga bukan Muslim (pasangan dan anak-anak) walaupun permasalahan ini dilihat sesuatu yang bersifat simplistik. Harus diakui bahawa permasalahan rumah tangga seperti perceraian memperlihatkan hampir tiada langsung usaha untuk ke arah perdamaian apabila ahli keluarga tidak mahu lagi menerima responden yang memeluk agama Islam. Ternyata

²⁰ Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

²¹ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

²² Resp # 18 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

sekali pemeluk agama Islam merupakan satu pengalaman dan cabaran yang besar bagi masyarakat Cina memulakan cara hidup yang baru. Permasalahan seperti menerima ugutan, pernah dipukul dan perceraian dengan pasangan asal menyebabkan dalam kalangan masyarakat Cina Muslim enggan menjalinkan hubungan semula dengan keluarga asal. Faktor penolakan yang berpunca dari sebelah pihak keluarga asal disebabkan anggapan ahli keluarga yang memeluk Islam dianggap sebagai penderhaka atau pengkhianat kepada bangsa. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Banyaklah cabaran... keluarga, anak dan isteri tak mahu terima saya...lepas tu saya bercerai [Sekarang ni macam tu jugak.. keluarga masih tak boleh terima]”.²³

“Kawan-kawan dari bangsa kita yang kita kenal tinggal kita dia dok suka, sebab dia kata kita nii [derhaka kepada datuk nenek kita]”.²⁴

Perbezaan agama yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri memanifestasikan keragaman budaya dalam kehidupan penganutnya. Acap kali apabila sesuatu perkara itu membabitkan tentang agama Islam, perkara itu dianggap satu isu tentang komuniti Melayu. Adalah tidak menghairankan keluarga mualaf yang bukan Muslim menentang pengIslaman yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga. Ekoran daripada itu, Saudara Baru dianggap sebagai pengkhianat kepada bangsa sendiri yang menyebabkan kalangan ahli keluarga merasa malu mempunyai ahli keluarga yang memeluk agama Islam. Dalam perihal ini, Suraya dan Khadijah menyatakan Saudara Muslim dianggap sebagai pembelot atau “*defector*” yang akhirnya menjadi salah satu faktor penyumbang kepada gejala ini berlaku kerana sikap prejudis.²⁵ Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Osman Chuah dan Abdul Salam yang menyatakan bahawa kemarahan merupakan

²³ Resp # 05 (Teochew), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

²⁴ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

²⁵ Suraya Sintang & □□□ Khadijah Mohd Khambali@ Hambali, “Saudara Baru Dan Peranannya Dalam Arena Dialog Antara Agama.” *Makalah Seminar Pemikiran Islam III, Sudut Pandangan Islam Dalam Diskusi Sesama Muslim*, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, (2012), 93.

reaksi pertama masyarakat Cina di Malaysia apabila ahli keluarga masuk Islam.²⁶ Hal ini menunjukkan bahawa pertembungan kerana perbezaan agama yang berlaku dalam keluarga mendatangkan masalah dalam pemupukan hubungan Muslim-non Muslim. Hasil kajian memperlihatkan bahawa hubungan tegang ini boleh diperincikan kepada tiga kategori iaitu hubungan tegang sementara, hubungan tegang pada tempoh yang lama dan hubungan yang tertutup. Biarpun begitu, hubungan tegang sementara merupakan ciri-ciri yang banyak ditemui dalam pengalaman pasca pemelukan masyarakat Cina di negeri Terengganu.

4.1.2 Hubungan Bersifat Neutral

Bentuk hubungan yang kedua ialah hubungan yang bersifat neutral. Sabastian dan Paresmeswaran dalam kajiannya menyifatkan hubungan yang bersifat neutral sebagai interaksi yang kurang konflik dan kurang perundingan (*low conflict and low consensus*).²⁷ Walaupun hubungan pasca konversi Saudara Muslim dengan keluarga asal sering kali memaparkan tentangan daripada keluarga asal, namun wujud situasi dalam kalangan keluarga yang menerima pengislamannya secara baik. Ini sebagaimana yang dijelaskan sebagaimana transkrip-transkrip di bawah:

“Saya punya keluarga banyak agama. Saya tak buat Krismas, kita buat sambut tahun baru Cina ..adik beradik punya agama dia punya lain-lain.. [mak saya *Buddhist*, bapak saya *freethinker*, adik yang *vegy (vegetarian)*].”²⁸

²⁶ Osman Abdullah & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia*. (Kuala Lumpur: UIAM, 2008), 56.

²⁷ Sabastian, R & Parameswaran A. “Conversion and the Family: Chinese Hare Krishnas”, 348.

²⁸ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

“Lebih kurang setengah tahun, saya cerita dia sebab saya nak nikah lah.. [saya punya keluarga papa tidak marah, semua keluarga tak marah ahh...”].²⁹

“Keluarga saya tak ada apa, saya, tanya anak sulung saya, ini mami sudah seorang sekarang tak ada orang, tak payah fikir banyaklah anak sudah besar, dewasa. Lepas itu tanya abang no 4, [saya tanya dia, saya nak nikah lepas tu nak masuk Islam ..dia tak ada cakap apalah, ini u punya pilihan lain kali u jangan cakap banyak kata macam niilah], saya kata tak adalah *and* bulan 8/2011 I nikah. Lepas itu saya bagi abang saya marilah, dia mari”.³⁰

Migrasi agama kadang kala dilakukan secara rahsia demi menjaga kelestarian hubungan yang telah sedia terjalin. Hal ini dikatakan demikian kerana konversi agama memerlukan satu proses solusi secara berperingkat bagi mengecilkan sebarang bentuk konflik. Proses berperingkat bermakna semua kelompok yang berbeza agama mempunyai pertimbangan untuk meneutralkan permasalahan yang melangkaui kepentingan etnik. Responden di bawah menjelaskan sebagaimana berikut:

“Cabaran tuu tak ada lagilah, sebab saya rahsia pengislaman saya cumanya lebih bersifat untuk kebaikanlah.. berhati-hatilah dengan kebijaksanaan, apabila di ketahui oleh keluarga atau rakan-rakan .. ‘eh awak dah Islam ..tapi awak macam dulu’...”.³¹

Bagi Saudara Muslim, hubungan yang neutral wujud kerana telah ada dalam ahli keluarga yang memeluk agama yang lain. Suraya menjelaskan bahawa Saudara Baru menerima hanya sedikit tekanan daripada pihak keluarga.³² Berdasarkan pengalaman responden, didapati ada dalam kalangan ahli keluarganya mengamalkan *vegetarian*, Buddha dan *ateis* sedangkan beliau berpegang kepada agama Kristian sebelum memeluk agama Islam. Perkembangan hubungan yang bersifat neutral dalam kalangan Saudara Muslim dan ahli keluarga bukan Muslim banyak berhubung kait dengan penghayatan

²⁹ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

³⁰ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

³¹ Resp # 06-Hokkien, dalam temu bual dengan penulis, 14. November 2012.

³² Suraya Sintang. *Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah*, 283.

nilai toleransi dalam beragama. Walaupun berbeza agama, perkara ini bukan menjadi faktor kelompok ini berkongsi atas perasaan yang satu dan sepunya bagi meneruskan kelangsungan hidup.

4.1.3 Hubungan Yang Saling Menyokong

Hubungan yang saling menyokong disifatkan sebagai interaksi yang berlaku dalam bentuk ini bersifat rendah konflik (*low conflict*) dan tinggi perbincangan (*high consensus*).³³ Faktor tidak menerima tentangan juga dikaitkan kerana telah ada dalam kalangan ahli keluarga yang memeluk agama Islam. Pada peringkat ini, hubungan yang berkonsep *mutual benefits & peaceful co-existence* (saling beruntung & hidup aman bersama) mencipta impak yang positif kepada kedua-dua belah pihak.³⁴ Malangnya, hubungan yang bersifat saling menyokong ini tidak banyak ditemui dalam konteks hubungan pasca konversi Saudara Muslim dengan komuniti non Muslim di negeri Terengganu. Resp # 15(Foochow) di bawah menceritakan bahawa ibunya telah memeluk agama Islam lebih awal daripada beliau. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“...[dulu mak saya masuk Islam], kita tak ikut, kita ikut ayah kita, *so* kalau raya rumah sepupu (yang beragama Islam) saya pakai baju kurung dengan selendang, hormatlah pergi sana”.³⁵

Pendek kata, pada peringkat ini masyarakat Cina yang memeluk agama Islam tidak berhadapan dengan kesukaran apabila pengislaman dapat diterima baik oleh ibu dan bapa atau adik beradik. Justeru itu, sikap keterbukaan dalam memilih agama akan memudahkan dialog kehidupan berjalan dengan baik. Lazimnya juga, pengalaman tinggal bersama keluarga yang berbeza agama, perkongsian aktiviti dan perkongsian

³³ Sabastian, R & Parameswaran A. “Conversion and the Family: Chinese Hare Krishnas”, 349.

³⁴ Mujibu Abdul Muis. “Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia”, *Jurnal Sosiohumanika*, 5(2), (2012): 245.

³⁵ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

budaya amat mudah dilihat dalam masyarakat yang mengamalkan sikap keterbukaan seperti ini. Dalam situasi ini, wujud kehidupan keluarga yang cukup muhibah apabila masyarakat Cina yang beragama Islam, Buddha dan Kristian boleh melaksanakan aktiviti bersama dan saling hormat-menghormati agama orang lain. Pun begitu, hubungan yang saling menyokong tidak banyak ditemui dalam masyarakat Cina yang melakukan konversi agama Islam di negeri Terengganu.

4.1.4 Hubungan Bersifat Akomodasi

Kajian yang dilakukan oleh Suraya Sintang memperlihatkan hubungan akomodasi banyak ditemui dalam kalangan komuniti Saudara Baru di Sabah.³⁶ Sabastian & Parameswaran menjelaskan bahawa ahli keluarga memperlihatkan hanya menerima sebahagian aspek-aspek kepercayaan penganut agama baru.³⁷ Ibu kepada Resp # 12 (Hokkien) cukup menghargainya kerana kerap kali menziarahinya dan adik-beradik yang bukan Muslim yang lain. Walau bagaimana pun hubungan yang disifatkan '*high concencus*' menimbulkan ketegangan apabila interaksi yang berlaku menampakkan ahli keluarga bukan Muslim agak berat menerima beberapa amalan masyarakat Muslim. Ini bermakna, walaupun di peringkat permukaan hubungan Saudara Muslim bolehlah disifatkan sebagai tenang tetapi kadang kalanya hubungan ini bersifat kosmetik. Di dasarnya masih tersemat kuat perasaan marah, kecewa dan tidak puas hati dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim yang akhirnya melahirkan perasaan syak dan wasangka. Dialog tersebut digambarkan dalam transkrip di bawah:

³⁶ Suraya Sintang, "Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru", 282-98.

³⁷ Sabastian, R & Parameswaran A., "Conversion and the Family: Chinese Hare Krishnas", 349.

“Mak tanya buat apa pakai tudung (jilbab)? Tidak panas ke? saya kata ..[memanglah kena pakai ..kita dah Islam, aurat kita] (suasana marah)”³⁸.

Selanjutnya, dalam kes yang kedua Resp # 13 (Hakka) semasa berkunjung ke rumah abangnya yang beragama Buddha ketika sambutan Tahun Baru Cina. Sebagai penghormatan kepada responden yang beragama Islam, abangnya telah menempah makanan yang dimasak oleh komuniti Melayu Muslim. Walau bagaimanapun, berlaku hubungan yang tegang apabila (Resp # 13 (Hakka)) enggan mengambil makanan yang disediakan oleh keluarganya. Dalam perihal ini dialog yang agak tegang dipaparkan sebagaimana berikut:

“Abang saya ada menyediakan bekas polisterin sebab saya tak lalu nak makan. Sebab keluarga saya (abang) memang jenis makan daginglah (babi), Cuma saya minum air sahaja, makan kacang, dan limau. Tiga inilah yang saya makan, abang saya makan doh, saya tidak moh (mahu) makan nasi saya dok leh nak gi (tak dapat nak menikmati)...[dia marah saya]”³⁹.

Kedua-dua dialog di atas memperlihatkan bahawa ketegangan boleh berlaku dari kedua-dua belah pihak sama ada dari pihak keluarga asal atau Saudara Baru sendiri. Kurangnya toleransi dalam beragama menjadi salah satu faktor berlakunya ketegangan. Justeru, dalam proses percantuman semula dengan keluarga asal, hubungan kadang kala diuji dengan konflik yang berpunca dari perbezaan pengamalan agama.

Secara keseluruhannya, didapati pembinaan hubungan intra etnik yang berlaku antara Saudara Baru Cina di negeri Terengganu agak berbeza dengan pengalaman dialog kehidupan yang berlaku dalam kehidupan Saudara Baru di negeri-negeri lain di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Rosey Ma, Osman Chuah, Mohd Syukri Yeoh

³⁸ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

³⁹ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

memaparkan bahawa masyarakat Cina yang melakukan konversi agama berhadapan dengan konflik dengan ahli keluarga. Biarpun begitu, tokoh-tokoh di atas tidak memperhalusi konflik hubungan yang berlaku dalam kehidupan Saudara Baru.⁴⁰ Manakala hubungan Saudara Baru di Sabah banyak memapar hubungan yang bersifat akomodasi pada fasa sebelum dan selepas konversi agama. Hasil dapatan kajian penulis menjelaskan bahawa kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu berhadapan hubungan yang tegang selepas melakukan konversi agama. Hubungan tegang boleh dirincikan kepada tiga jenis iaitu hubungan tegang sementara, hubungan tegang pada tempoh yang lama dan hubungan yang tertutup. Hubungan tegang sementara merupakan ciri-ciri yang banyak ditemui dalam pengalaman pasca konversi masyarakat Cina di negeri Terengganu. Justeru, dapatan ini menjelaskan bahawa wujud perbezaan dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas tentang hubungan intra etnik pasca konversi masyarakat Cina di Malaysia.

4.2 Pengalaman Dialog Kehidupan Intra Etnik

Sebagaimana dijelaskan bahawa dialog merupakan satu wacana mencari titik pertemuan kerana wujudnya perbezaan kepercayaan atau budaya. Azizan menjelaskan bahawa dalam konteks dialog, semua yang terlibat mesti mendengar dengan penuh perasaan dapat menjiwai dan difahami perihal orang lain dengan setepat yang mungkin. Dialog kehidupan melibatkan komuniti dan individu dari berbagai agama berkongsi tentang amalan kepercayaan dengan sikap yang terbuka. Elemen yang berlaku secara semula jadi ini dilihat sebagai jambatan yang menghubungkan perbezaan yang wujud dalam

⁴⁰ Wang, Rosey Ma, "Ethnicization of Islam in Malaysia and Its Effect On The Malaysian Chinese Muslims", *First International Conference of The Asian Philosophical Association. The Vision of The Asian Community*, (29 September – 2 October 2005) Istanbul, Turkey, Osman Abdullah & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia*. (Kuala Lumpur: UIAM, 2008) dan Mohd Syukri Yeoh & Osman Abdullah, The Problem of Mu'allaf in Malaysia, *Jurnal Islamiyyat*.Jil.24, (2003).

pelbagai agama.⁴¹ Kepelbagaian pengalaman dialog kehidupan Cina Muslim boleh diperhatikan dalam aspek-aspek kehidupan seharian yang memperlihatkan bagaimana komuniti ini menggemburkan semula hubungan dengan keluarga asal. Hubungan ini memaparkan pengalaman komuniti Cina Muslim merasa empati diri seperti berkongsi kesedihan dan kegembiraan dalam pelbagai aspek yang melatari kehidupan bersama. Pengalaman dialog kehidupan intra etnik ini boleh dilihat dalam aspek berikut:

4.2.1 Pengalaman Melibatkan Diri Dalam Urusan Kematian Keluarga.

Teladan pengalaman dialog kehidupan yang memaparkan perkongsian perasaan sedih ditampilkan melalui amalan pengurusan kematian ahli keluarga Saudara Baru yang bukan Muslim. Biarpun begitu, didapati masyarakat Cina Muslim agak berhati-hati melibatkan secara langsung dalam pengurusan kematian ahli keluarga yang meninggal dunia kerana bimbang ianya akan melanggar batas agama. Apatah lagi, wujud unsur-unsur ritual agama asal dimasukkan semasa urusan pengurusan pengebumian dijalankan. Dalam kata lain, kebanyakan Saudara Baru Cina hanya melakukan aktiviti asas seperti ziarah, mengucap takziah dan menderma kepada keluarga si mati. Pengalaman ini diceritakan oleh responden sebagaimana berikut:

“[Kematian pergi juga, pergi tengok saja] ..kalau orang miskin kita derma sikit ..ucap takziah.. rasa sedih..lain pada tu tak ada lah”⁴²

“Pergi, .. [biasanya kita menziarahi, tengok si mati, bagi takziah kepada keluarga]..sembang-sembang dengan kenalan, minum air lepas tu kita balik lah. [Kalau yang rapat tuu kita pergi jugak, kita hantar ke kubur] .. tengok-tengok sekejap, hadir diri lepas itu kita balik lah”⁴³

⁴¹ Azizan Baharuddin, Dialog Peradaban Perspektif Global dan Lokal, 17.

⁴² Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

⁴³ Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14. November 2012.

Selain itu, rasa keprihatinan terhadap rakan atau ahli keluarga yang meninggal diluahkan dengan menghantar jambangan bunga yang berwarna putih. Walaupun budaya menghantar jambangan bunga agak jarang ditemui dalam masyarakat Melayu Muslim ketika berlaku kematian, namun aktiviti tersebut dilakukan bagi mencerminkan perkongsian rasa sedih responden terhadap kematian keluarga atau rakan yang bukan Muslim. Ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Dulu ada, semasa saya bekerja dengan bos saya di kedai bunga, mak dia meninggal saya pergi tengok dia, dia pun ada cakap U dah Islam, boleh ke U mari, I kata boleh tak ada apa, tak kisah, saya dan abang saya pergi. [Semasa saya pergi sana saya hantar bunga, sebab saya kerja kedai bunga]. Bunga putih-putih la bukan bunga merah, so dia orang sedih, tak boleh warna merah punya”.⁴⁴

Selanjutnya, didapati dalam kalangan masyarakat Cina Muslim melibatkan diri dalam ‘adat’ pengurusan kematian ahli keluarga yang dilihat tidak bercanggah dengan agama. Antara aktiviti yang dilakukan adalah seperti memakai pakaian berwarna putih dan memakai lilitan berwarna merah di lengan. Ini diceritakan oleh responden sebagaimana berikut:

“Cuma saya kata [sebagai nak menghormati saya pakai jugalah yang diikat yang berwarna merah]... dicucuk dengan jarum”.⁴⁵

“[Semasa kematian ayah saya, saya ada balik ..kita boleh pakai baju dia, pakai baju putih .. setahu saya kita boleh hormat dia macam ini, ini..] tapi kita tak boleh sujud ..Saya tanya ramai ustaz ...depan saya satu orang Islam saja..nanti orang lain cakap ini orang Islam biadab, yang lain semua Cina”.⁴⁶

Pun begitu, dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim begitu sangsi melihat masyarakat Cina Muslim pulang ke rumah keluarga asal untuk terlibat sama dalam

⁴⁴ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

⁴⁵ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁴⁶ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

pengurusan kematian. Ini adalah kerana, dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim berasa bimbang Saudara Baru akan melibatkan diri dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah dan syariat agama Islam. Dapatan temu bual menjelaskan sebagaimana berikut:

“Sewaktu emak saya mati saya pergi.. [tapi orang Melayu tidak bagi pergi..] bila saya pergi saudara mara memang ramai.. dia pun masing-masing mari duduk dekat saya..”⁴⁷

Kadang kala, masyarakat Cina bukan Muslim memandang serong terhadap Saudara Baru Cina yang enggan melakukan acara ritual pengebumian yang dijalankan oleh ahli keluarga seperti meratapi kematian, mengelilingi keranda, sembah kepada si mati dan melontar tanah ke dalam kubur. Justeru, ini merupakan antara sebab kenapa dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim tidak menggalakkan masyarakat Cina Muslim untuk menziarahi keluarga asal yang telah meninggal dunia. Pengalaman-pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“[Sewaktu keluarga saya meninggal, saya ada balik, tapi kontroversilah], dia nak kita ikut adat dia ..macam dia keliling, sembah, dia keliling keranda, adik beradik tak tidak kisah..orang luar yang kecoh. Kawan-kawan abang itu, hampir-hampir nak gaduh. Sampai masa nak ke bumi tuu ..dia kata saya suka sangat sampai tak pergi tengok..kita tengok, takkanlah kita nak nangis sampai tak sudahkan”⁴⁸

“dia tanya saya boleh datang ke?..[saya kata boleh datang, cuma syaratnya, satu tidak boleh pergi sembahyang..] lepas itu waktu pergi kubur saya boleh pergi Lepas itu .. bila nak tanam mayat, dia kata kena kepal tanah , yang itu merupakan adat dia saya pun *confuse* takut ada unsur agama sebab dia ada unsur penyembahan .. dengan menyebut bacaan tertentu, dia lontar tanah yang dikepal di dalam kubur.Semasa menggali kubur itu orang adalah meminta saya memakai pakaian upacara pengebumian...lepas itu saya kata ni keagamaan, saya kata ni tidak boleh pakai ..”⁴⁹

⁴⁷ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁴⁸ Resp # 14 (Hailam), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

⁴⁹ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

“Masa ayah mati saya pergi melawat, [dia suruh kita sembah, saya kata tak bolehlah], mak saudara kita tanya mu tidak bolehlah mu, melawat sahaja dia orang pun faham jugak. Cumanya kalau kita pergi ambik colok tu.. tak bolehlah, cuma kita pergi rai tengok. Kubur boleh pergi, Cuma jangan ambik tanah yang dia buat sembah”.⁵⁰

Pun begitu, melalui temu bual yang dijalankan didapati responden tidak lagi melibatkan diri dalam sambutan *Ching Ming*. Pengalaman ini diperihalkan sebagaimana berikut:

“[Sejak saya masuk Islam saya tidak pernah balik buat *Ching Ming*] ... tak salah boleh kita pergi...iktikad kita sebenarnya ... *Ching Ming* ni satu lagi nak bagi tau.. banyak orang tak faham, banyak orang ingat sembah Tuhan, sebenarnya sembah nenek moyang yang sudah meninggal, cara penyembahan nenek moyang dia, dia pakai colok, sebagai komunikasi ... adat penyembahan dia”.⁵¹

Ahmad Shalaby menjelaskan bahawa memberi penghormatan kepada jenazah yang *non* Muslim bukanlah suatu kesalahan kerana Rasulullah s.a.w pernah mengusung jenazah, melawat pesakit dan meraikan mereka yang bukan beragama Islam.⁵² Dalam konteks perayaan *Ching Ming*, Norhana menyatakan bahawa masyarakat Cina Muslim perlu menghadiri upacara kematian dan perayaan *Ching Ming* bagi menunjukkan bahawa mereka mengambil berat terhadap ahli keluarga yang telah meninggal. Namun begitu mereka tidak perlu terlibat dalam ritual penyembahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.⁵³ Kenyataan yang sama dikemukakan oleh Ridzuan Tee yang menyatakan bahawa tidak menjadi kesalahan seseorang yang telah memeluk agama Islam menziarahi dan menguruskan upacara pengebumian mayat ibu bapa dan ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia. Dalam agama Islam, Saudara Baru diajar supaya tidak menyertai upacara sembahyang yang dilakukan dalam agama asal. Walaupun begitu, masyarakat

⁵⁰ Resp # 20 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

⁵¹ Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

⁵² Ahmad Shalaby, *Perbandingan Agama; Agama Islam*, (Singapura: Pustaka Nasional, 2001), 131.

⁵³ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

Cina Muslim boleh melakukan aktiviti membersihkan kubur keluarga dengan membuang rumput dan sampah ketika perayaan *Ching Ming* dijalankan.⁵⁴ Bagaimanapun berdasarkan hasil dapatan temu bual yang dijalankan, didapati masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu mengelak daripada melibatkan diri dengan *Ching Ming* kerana mereka bimbang melakukan aktiviti yang bertentangan dengan syariat agama Islam tanpa disedari.

Berdasarkan kenyataan dan dapatan temu bual di atas, dapat dijelaskan bahawa penglibatan diri dalam upacara kematian masyarakat Cina bukan bertujuan untuk kembali kepada ajaran asal tetapi bagi memaparkan sikap mengambil berat terhadap keluarga semasa dan selepas berlakunya kematian. Selain memupuk hubungan yang baik dengan keluarga asal, dalam masa yang sama perihal ini memberi gambaran yang baik kepada masyarakat bukan Muslim bahawa Islam merupakan agama yang menjaga hubungan kemanusiaan. Dalam amalan menziarahi kematian ahli keluarga bukan Muslim matlamatnya adalah murni iaitu merapatkan hubungan persaudaraan dan membetulkan salah faham keluarga terhadap agama Islam, tetapi kaedahnya semesti menepati kepatuhan syariat agama Islam sendiri. Justeru, jalinan dialog kehidupan mampu merapatkan jurang yang wujud dan bukannya bertujuan untuk permusuhan.

4.2.2 Menziarahi Keluarga Yang Bukan Muslim

Kesetiaan terhadap agama mengatasi kesetiaan terhadap keluarga memerlukan pemupukan citra perhubungan yang harmonis antara famili yang berbeza agama yang dengan itu dapat membentuk jalinan perasaan faham memahami dan saling menghargai antara satu sama lain. Berkait dengan ini, pemupukan semula hubungan yang harmonis

⁵⁴ Ridzuan Tee Abdullah, *Cabaran Saudara Baru di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2012), 82.

ini boleh diadakan dengan amalan kunjungan keluarga yang berbeza agama. Dalam konteks menziarahi keluarga, Norhana menjelaskan sebagaimana berikut:

“Walaupun masyarakat Cina yang memeluk Islam dipinggirkan oleh keluarga, mereka [dituntut untuk mengunjungi keluarga yang bukan Muslim dengan menerapkan adab-adab ziarah menurut Islam dengan disulami akhlak-akhlak Islam yang murni]. Penglibatan langsung masyarakat Cina Muslim dalam kehidupan masyarakat asal mereka mampu menjelaskan kebenaran dan mengikis salah faham mereka terhadap agama Islam”.⁵⁵

Berdasarkan pengalaman Saudara Baru Cina dijelaskan sebagaimana berikut:

“Saya menziarahi ibu bapa saya bagi memujuk hati agar menjadi tenang semula. Sewaktu menziarahi ibu bapa, saya makan makanan yang halal sama ada disediakan oleh ibu atau dibeli dari luar bagi mengambil hati ibu. Dengan [menunjukkan akhlak-akhlak Islam yang baik sebagaimana yang dipelajari], akhirnya saya dapat meyakinkan semula keluarga agar menerima semula diri saya”.⁵⁶

“Bagi mengelakkan salah faham ibu, [saya kerap kali menziarahinya termasuk semasa menyambut hari kebesaran masyarakat Cina]. Seinggalah perkahwinan saya dengan pasangan berbangsa Melayu memberi ruang kepada ibu untuk mengenal dan mempelajari budaya Melayu seperti adab meminang, berkahwin dan menerima menantu”.⁵⁷

Berdasarkan transkrip di atas, ternyata aktiviti menziarahi ahli keluarga bukan Muslim memperlihatkan bagaimana masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu berusaha membina semula hubungan yang baik dengan keluarga asal walaupun ianya mengambil tempoh masa yang agak lama. Justeru, masyarakat Cina Muslim memerlukan kekuatan dalaman bagi berhadapan dengan cabaran yang dihadapi. Misalnya Resp # 07 (Hokkien) mengambil masa sekurang-kurangnya 5 tahun untuk membina semula hubungan dengan ibunya. Beliau menceritakan sebagaimana berikut:

⁵⁵ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

⁵⁶ Resp # 17 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

⁵⁷ Resp # 02 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

“Saya cuba untuk berbuat baik, saya pergi raya sajalah (Tahun Baru Cina). Biasanya raya pantang orang Cina tidak boleh marah orang. Atau raya puasa saya pergi bawa makanan ...Kalau pergi rumah dia (ibu bapa) tu..mula-mula dia tidak makanlah ...[lepas lima tahun kemudian baru boleh balik]... sebelum tuu saya pergi bawa barang dia lepor (buang) balik...ayah saya ni sedihlah, tak apa, tak apa biar papa makan sambil menangis sambil pergi ambil balik.. mu tak payah berasa hati lah mok mung (ibu kamu) ..ayah baik, tapi kena kontrol...Mak saya tak boleh terima mula-mula, last sekali bila dia nak berbaik dengan saya, dia pernah telefon saya, Che Ong, mak nak makan bubur Asyura, marilah buat ke mak tapi jangan manis”.⁵⁸

Jadi, matlamat utama untuk aktiviti ini ialah memberi kefahaman kepada keluarga asal bahawa memeluk agama Islam tidaklah memutuskan hubungan persaudaraan yang telah sedia terjalin. Biar pun begitu, kadang kala Saudara Baru Cina perlu mengambil masa yang lama apabila tentangan memeluk agama Islam ini datangnya dari orang yang paling berpengaruh dalam keluarga. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“...Lepas ibu saya meninggal, adik beradik menerima saya semula, [apabila hari raya saya bawa barang-barang mentah dari rumah saya buat BBQ di rumah ayah, saya buat nasi minyak dan saya masak di situ]”.⁵⁹

“Selepas saya kahwin, selepas saya dapat anak, emak dah boleh terima, maknanya hanya setahun..sekarang ni mak pun baik, adik beradik pun baik, kakak semuanya baik, [kalau hari raya adik beradik datang rumah saya akan masak dan kadang-kadang dia akan membantu saya]”.⁶⁰

“Selepas itu saya berjumpa dengan seorang alim dalam agama Islam, orang kampung saya juga, orang panggil dia Tok Lebai. Saya bertanya kepadanya, jika masuk Islam ni, adakah saya boleh balik ke rumah keluarga asal, sebab sebahagian berkata kepada saya bahawa apabila masuk Islam maka ia akan putus dengan keluarga.. dia berkata tidak ... [lepas itu saya balik ah ke rumah asal saya. selepas saya balik tu ayah saya marah sangat tu tidak lah.. malah dia berkata biarlah kamu masuk Islam .. nak buat macam mana]”.⁶¹

⁵⁸ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁵⁹ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁶⁰ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

⁶¹ Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

Sememangnya peranan konsultasi ‘orang tertentu’ cukup dominan dalam menentukan tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh Saudara Baru ketika berhadapan konflik dengan keluarga bukan Muslim. Oleh yang demikian, dialog kehidupan yang diperkaya dengan entiti akhlak Islam ini mampu mengikis salah faham keluarga terhadap agama Islam. Selanjutnya, masyarakat Cina bukan Muslim mempelajari aspek-aspek agama Islam melalui beberapa siri dialog kehidupan melalui peranan ahli keluarga yang Muslim sendiri. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Adik beradik baik belaka..kalau dia datang ke rumah dia orang fahamlah, dia orang biasa pergi rumah orang Melayu. Kalau saya pergi ke rumah adik di Kuala Lumpur tidak ada masalah jugak, [dia sedia bilik untuk saya buat solat]”.⁶²

“Saya pergi rumah kakak ipar saya, [dia tahu kita sembahyang *so* kakak ipar saya pergi tanya orang Islam, kalau orang Islam kalau nak sembahyang kiblat arah mana, dia pergi tanya semasa saya belum sampai lagi]. Lepas itu bila kita sampai kat rumah dia, [U sembahyang macam ni, macam ni lah, jangan salah], saya tanya kawan saya orang Islam sebab adik saya orang Islam. Dia Kristian. Lepas itu dia tanya, U dah solat? Dia Tanya macam tu saja”.⁶³

“Macam biasalah... mak marah sekejap saja lah, lepas ayah meninggal, mak masuk Islam .. lepas tu adik beradik lain pun masuk Islam.. Cuma seorang saja adik tidak masuk Islam, dia kahwin dengan Cina dari China... tapi hubungan tidak ada masalah.. [kalau balik, dia tidur kat rumah mak, jumpa adik-beradik]”.⁶⁴

“Kadang-kadang lalu kot kuil Buddha, [sami-sami tegur saya, sebab dulu dia kawan saya.. masih bual-bual lagi lah]”.⁶⁵

“Saya selalu balik, kalau pergi rumah sepupu saya pun tak apa kalau saya pergi macam nii (pakai tudung). Kalau hari Raya Cina, [Cina akan order yang halal bagi saya, dia sudah tahu saya sudah Islam .. biasanya dia orang tidak masak. Dia *accept* saya Islam]”.⁶⁶

“Anak saya waktu dia datang tidur di rumah saya. Masa tu dia tanya, kenapa mak masuk Islam, [Saya cerita jadi orang Islam pun bagus bukan tak baik, kalau u ada niat nak masuk Islam u masuk la tapi mak tak

⁶² Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁶³ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

⁶⁴ Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

⁶⁵ Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

⁶⁶ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

paksa], mak jodoh orang Islam apa boleh buat. Ramai Cina tak suka langsung”.⁶⁷

Hasil kajian juga mendapati, segelintir komuniti Cina Muslim tidak berhadapan kesukaran melaksanakan kunjungan ziarah keluarga yang bukan Muslim. Boleh dikatakan budaya toleransi dalam menerima perbezaan serta komunikasi yang sopan telah terbina dalam kehidupan keluarga responden. Persekitaran keluarga yang positif memudahkan responden memberi tumpuan terhadap penyempurnaan gaya hidup berdasarkan norma-norma agama Islam seharian. Dapatan temu bual dari Resp # 19 (Hakka) memerihalkan sebagaimana berikut:

“Saya tak ada [masalah dengan mak ayah, isteri saya juga tidak ada masalah kalau balik rumah mak saya tidur rumah dialah, kita boleh solat], dia masak baik punyalah, dia punya kualiti baik punya, berapa tahun dah dia tidak makan babi, kalau tahun baru Cina saya sambut juga, pergi jalan sana rumah adik, rumah sepupu. Kalau bulan puasa, dia suruh kita puasa dia cakap Islam mesti puasa. Kalau datang rumah saya, dia tidur tiga hari ...saya ajak dia masuk Islam, dia berat sikit”.⁶⁸

Contoh-contoh ideal di atas menjelaskan bahawa dalam berhadapan suasana yang tegang, masyarakat Cina Muslim perlu mengendurkan keadaan dengan berkunjung, bertanya khabar dan menghormati orang tua secara berhemah. Pengalaman yang dilalui oleh masyarakat Cina Muslim membuktikan bahawa kemarahan keluarga dapat diredai melalui rutin perkongsian hidup seharian. Ini bermakna kerukunan dalam keluarga boleh dicapai melalui kaedah ‘perundingan’ jalinan dialog kehidupan dengan kerap kali melakukan kunjungan ziarah, makan bersama dan melakukan aktiviti kehidupan seharian bersama-sama. Ertinya, perkongsian sebegini mampu menghilangkan sebarang sifat prejudis dalam kalangan keluarga yang berbeza pemikiran dan agama. Pandangan yang serupa dinyatakan oleh Abdul Halim bahawa agak jarang ahli keluarga menentang

⁶⁷ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

⁶⁸ Resp # 19 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

pengislaman pada tempoh yang lama. Salah faham menerima maklumat merupakan salah satu sebab mengapa masyarakat Cina menentang ahli keluarganya memeluk agama Islam. Pada tempoh hubungan yang tegang, ahli keluarga yang memeluk agama Islam perlu mengendurkan hubungan dengan kerap kali melakukan hubungan ziarah dan bertanya khabar terhadap keluarga.⁶⁹

4.2.3 Pengalaman Meraikan Sambutan Tahun Baru Cina Dengan Keluarga Asal.

Tahun Baru Cina memfokuskan ‘perayaan budaya’ yang tidak ada kena-mengena dengan agama dengan menonjolkan rasa kegembiraan dan amalan kunjungan ziarah dengan bersua muka. Natijah daripada itu, ikatan persaudaraan akan bertambah kukuh dan padu. Ini bererti, sebagai salah satu cara mendekatkan diri dengan ahli keluarga yang bukan Muslim, Saudara Baru Cina tidak ditegah untuk meraikan sambutan Tahun Baru Cina bersama keluarga bukan Muslim sedangkan agama Islam mengajar agar umatnya mengambil berat hubungan yang telah sedia terjalin biarpun berbeza agama.⁷⁰ Melalui dapatan temu bual dengan Saudara Baru Cina, perihal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Macam kalau hari raya Cina kita pergi berjalan pula ke rumah dia (Ibu bapa). [Pergi ke rumah emak saudara, biasanya pergi dengan emak].. dia orang pun tahulah cara-cara Islam . Apabila sambutan hari raya Cina dia orang order makanan pun dengan orang Melayu juga, makan dalam bekas *polystrine*”.⁷¹

Tidak keterlaluan jika dikatakan komuniti Cina Muslim begitu teliti menjaga makan minum ketika berkunjung ke rumah keluarga bukan Muslim. Bimbang dengan status makanan dari ‘kehalalan’, hasil dapatan menunjukkan kebanyakan masyarakat Cina

⁶⁹ Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

⁷⁰ Ridzuan Tee Abdullah, *Cabaran Saudara Baru di Malaysia*, 85.

⁷¹ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

Muslim mengambil jalan yang selamat dengan hanya mengambil makanan yang dipastikan benar-benar halal seperti buah-buahan, air kotak, kacang, membeli makanan dari luar atau membawa keluarga makan di luar. Ini sebagaimana yang dijelaskan:

“[Saya akan pergilah, saya akan merayakan sekali dengan dia orang] cuma kena pandai jagalah contohnya kalau makan minum tu saya jaga halal-haram lah ...Biasanya tahun baru Cina, orang Cina makanan tahun baru Cina .. kalau kita gak babilah kan... terus terang saya cakap tak semua orang Cina makan babi. Orang Cina peranakan tak macam saya dan tak makan babi”⁷²

“[Kalau dia panggil pergi laa, kalau dia masak pun dia masak *steamboat*]...makanan tuu biasanya dia dok masak ahh.. dia beli kat luar je .. dan dia simpan dah .. maknanya apa yang kita boleh makan dan apa yang kita tak boleh makan ... dia tahulah”⁷³

“[Musim Raya Cina saya pernah pergi, dari segi makan minum kita ambiklah air oren], biasanya dia orang tahu apa yang orang Islam boleh makan”⁷⁴

“Kalau tahun baru Cina, kita pergi lah rumah adik beradik, rumah pakcik-pak cik..Pak cik Buddha lagi tapi dia orang faham lah... [kalau kita orang mari ia akan hidang makanan halal dan kita pandai-pandailah]”⁷⁵

“Kalau tahun baru Cina tu, setiap tahun saya balik rumah mak saya, [kalau isteri saya dok balik saya bawa anak-anak saya balik, tidur rumah mak, kalau makan dekat rumah mak, kita tengoklah yang boleh makan kita makanlah macam buah, kacang , hak ada tanda halal JAKIM kita makanlah]. Kadang-kadang abang teman makan bawa saya ke restoran Islam”⁷⁶

Oleh kerana peraturan agama menjadi tunjang kehidupan beragama komuniti Muslim, pembinaan hubungan di sisi keluarga bukan Muslim memperlihatkan sikap berhati-hati. Sebagai contoh ahli keluarga responden membeli makanan (untuk disediakan kepada ahli keluarga Muslim) daripada luar atau dari masyarakat Melayu Muslim bagi mengelakkan sebarang bentuk polemik. Ini sebagaimana dijelaskan:

⁷² Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

⁷³ Resp # 04 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

⁷⁴ Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

⁷⁵ Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

⁷⁶ Resp # 17 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

“Waktu tahun baru Cina kita melawat rumah mak, rumah kakak .. [makanan mak saya beli dari luar, sepatutnya tak perlu sebab rumah dia dah bersih tapi mak saya nak hormatkan saya balik dia beli makanan dari luar]. Kadang-kadang keluarga datang duduk sama, kita masak.. duduk sama ..kalau saya buat puasa, sembahyang dia tidak tanya, dia tengok sahaja”.⁷⁷

Ini bermakna, pembinaan semula hubungan intra etnik menuntut setiap pihak saling memahami, menghargai dan menghormati perbezaan yang timbul. Namun begitu, aktiviti dialog kehidupan kadang kala ‘dihantui’ oleh masalah sampingan yang lain seperti enggan menyentuh makanan kerana bekas makanan dan kaedah penyediaan masih dicurigai. Antaranya diceritakan seperti berikut:

“Saya balik rumah abang saya dekat Jalan Pejabat, tapi saya tidak makan makanan dia sebab saya rasa was-was makanan dia ..pastu dia marahlah.. ‘ balik tak makan,balik buat apa’.. dia marah saya, biasa dia tempah dari orang Melayu, saya faham, [tapi bekas dia tu saya waswas sudu serba serbi, pinggan. Ada sebab saya tak lalu nak makan]. Sebab keluarga saya memang jenis makan daginglah, Cuma saya minum air sahaja, makan kacang, dan limau. Tiga inilah yang saya makan, saya kata kepada abang saya : abang saya dah makan, saya tak nak makan nasi, saya tak boleh pergi ...dia marah saya”.⁷⁸

“Kalau Tahun Baru Cina, saya makan buah-buahan, pilih-pilih yang mana yang halal... biasanya kita makan di restoran orang Melayulah. Kalau rumah pakcik-pakcik pergi belaka. Orang Melayu (isteri) taksab sangat kepada imam Syafii, [kalau mak hidang makanan yang halal macam kek dalam pinggan dia tak makan]”.⁷⁹

“Makan minum tu, [apabila dia nak hidang kita kata dah kenyang] Cuma kita ambil air kotak , air dia buat kita tak ambiklah ..pasal dia tadah periuk, pegang gini.. kita tak tau. Kalau hari raya Cina saya baliklah, makan tidaklah ..biasanya dia tahulah, dia fahamlah ..Cuma kita nak makan suruh dia beli air kotak lah. Dia pun tidak berasa hati sebab dia pun faham ..Kita pun cakap tak boleh ayah, minta maaf bukan tak nak makan ..tapi kita rasa lain”.⁸⁰

⁷⁷ Resp # 14 (Hailam), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

⁷⁸ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

⁷⁹ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, tarikh 6 Disember 2012.

⁸⁰ Resp # 20 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

Dalam kalangan keluarga yang memahami budaya hidup masyarakat Muslim, wujud hubungan yang harmoni apabila unsur-unsur budaya dijadikan sebagai teras perkongsian untuk semua. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Hari raya Cina kita *join* jugalah, [ayam-ayam, itik-itik ikat siap-siap, dia tunggu, 10 ekor ayam, 8 ekor itik dia suruh suami saya sembelih]... yang khinzir kalau kita balik, papa langsung tidak makan .. kita peti air ada dua, satu untuk simpan itu punya .. satu tak.. waktu makan khinzir.. kalau dia tau saya balik dia cuci abih doh .. dia tak bagi kita tengok”.⁸¹

Selanjutnya, pengalaman responden meraikan sambutan Tahun Baru Cina dengan mengadakan rumah terbuka dan menjemput masyarakat Muslim dan bukan Muslim. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“[I buat (sambutan Tahun Baru Cina), sebab ramai kawan I Cina, hari pertama biasa aje kasi air, kasi kuih je nak pergi *visiting* aje]...saya pun pergi *visiting* semua dia orang punya rumah. Kalau dalam Terengganulah dia orang semua order orang Islam, masak nasi dagang, sate sebab ramai kawan-kawan dia orang Melayu, lepas tu dia pakai bekas *polystrine*, sudu plastik. So[kalau kita tak pergi macam mana nak kawan dengan orang Cina]. Deepavali saya pergi juga, saya beli ayam kasi dia”.⁸²

“Kita sambutlah Tahun Baru Cina, tapi tak lah macam orang Cina, Cuma makan untuk anak beranak..biasanya buat mee, steamboat, nasi goreng Cina. [Biasa kita jemput kawan-kawan, orang Cina (bukan Muslim)] juga. Tahun Baru Cina Biasa juga [saya melawat rumah rakan-rakan Cina bukan Muslim], makan minum kita jaga-jagalah .. dia orang pun faham”.⁸³

Berdasarkan hasil dapatan di atas, dapat dinyatakan bahawa rasa tanggungjawab yang mendalam Saudara Baru Cina terhadap keluarga bukan Muslim tergambar daripada penglibatan bersama dalam Sambutan Tahun Baru Cina sekalipun wujud batas-batas agama dalam meraikan perayaan tersebut. Sikap prihatin terhadap dialog kehidupan

⁸¹ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

⁸² Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

⁸³ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

melalui sambutan perayaan ini dijemakan bermatlamatkan ‘menjaga hubungan persaudaraan’ dan ‘membetulkan salah faham terhadap agama Islam’.

4.2.4 Pengalaman Meraikan Budaya Tradisi Dengan Masyarakat Cina Bukan Muslim.

Ridzuan Tee menyenaraikan budaya tradisi yang menjadi tunjang komuniti Cina antaranya adat kematian, adat perkahwinan dan adat perayaan seperti Tahun Baru Cina, pesta tanglung, sambutan kuih bulan, tarian singa dan sebagainya.⁸⁴ Dalam konteks negeri Terengganu, dialog kehidupan yang memaparkan perkongsian budaya tradisi asal yang diraikan oleh komuniti Cina Muslim ialah persembahan tarian naga, sambutan kuih bulan dan pertunjukan pesta tanglung. Ini diceritakan seperti berikut:

“Kadang-kadang tengoklah kalau dia jemput kita, kita pergilah (tarian naga) ..kadang buat dekat rumah mak.. kadang buat dekat flaks dia duduk ..adalah ½ jam kadang-kadang satu jam .. terlibat sebagai penonton sajalah. [Tapi kawan kita yang masuk Islam, anak dia pun main jugak tarian naga .. ada 2, 3 orang jugak orang Cina yang Islam anak dia tu terlibat dalam tarian naga] .. Cuma kita jangan ikut ajelah yang unsur penyembahan, minta keselamatan”⁸⁵

“Selain tahun baru Cina,, [saya ada ikut sambutan kuih bulan.. malam ada pertunjukan tanglung] ..kalau dia jemput saya pergi lah, hormati . kita pergi tengoklah... tapi tak makan-makanlah”⁸⁶

Pengalaman dialog kehidupan Saudara Baru Cina selanjutnya dipaparkan melalui perkongsian meraikan majlis perkahwinan ahli keluarga. Ini sebagaimana dijelaskan:

“Kalau kahwin, [saya pernah pergi rumah abang saya dekat Johor, dia bagi makanan orang Islam punya dekat Restoran]. Kalau makan bersama, biasanya dia orang masak benda tu jadi dia orang tak nak bagi saya, so dia orang bawak saya makan kat luar”⁸⁷

⁸⁴ Ridzuan Tee Abdullah, *Cabaran Saudara Baru di Malaysia*, 84.

⁸⁵ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

⁸⁶ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

⁸⁷ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

“Kalau saya buat kenduri kahwin anak saya, keluarga asal saya semua mari (datang)”.⁸⁸

Namun begitu, ada kalangan ahli keluarga agak berat menerima responden kerana alasan yang tertentu. Pada hemat responden, ahli keluarga berkemungkinan mengelak menerima aib dari rakan dan ahli keluarga bukan Muslim yang lain kerana ada ahli keluarganya yang memeluk agama Islam. Biarpun begitu, responden menghadihkan duit bagi memperlihatkan perasaan suka walaupun tidak menghadiri majlis tersebut. Dapatan temu bual menceritakan sebagaimana berikut:

“Baru ini anak kakak saya kahwin, dia kata pesan jangan balik sebab keluarga dia sebelah suami dia dari negara China datang. [Dia kata tak payah datang nanti kamu akan malu] ..sebab dia hubungan dengan sana kuat lagi. Saya tak baliklah cuma saya kirim duit saja”.⁸⁹

Ini menjelaskan bahawa pelbagai variasi pendekatan dialog kehidupan boleh diketengahkan oleh Saudara Baru Cina agar agama Islam tidak dipandang terlalu berat, rigid dan ekstrem. Kes-kes yang dipaparkan di atas memperlihatkan pengalaman hubungan intra etnik yang berlaku dalam kehidupan Saudara Baru Cina yang kadang kala respons yang diberikan oleh ahli keluarga bukan Muslim amat menyakitkan.

Secara keseluruhannya boleh dinyatakan bahawa hubungan intra etnik yang ditonjolkan oleh komuniti Cina Muslim memaparkan penggemblengan usaha sama dalam aktiviti yang lazim yang kehidupan seharian komuniti ini. Ini sekali gus menjelaskan kepada ahli keluarga bahawa agama Islam adalah bersifat fleksibel dalam erti kata menerima diversiti budaya asalkan ianya mendorong kepada kebaikan dan bukan membawa kepada kerosakan. Dalam kata lain, memeluk agama Islam bukan

⁸⁸ Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

⁸⁹ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

menjadi halangan Saudara Baru melibatkan secara aktif dalam budaya asal selagi mana ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam. Ini membuktikan bahawa budaya bukan merupakan hak eksklusif sesebuah agama, lantaran itu masyarakat Cina yang menganut agama Buddha dan agama Islam bersama-sama mempersembahkan budaya tradisi etnik mereka. Selain itu, realiti dialog kehidupan dalam konteks hubungan intra etnik kadang kala memperlihatkan satu perkara yang mencabar untuk dilaksanakan.

4.3 Hubungan Inter Etnik Pasca Konversi.

Hubungan antara etnik komuniti Cina pasca konversi di negeri Terengganu memperlihatkan proses penyesuaian diri dalam hubungan sesama Muslim. Walau bagaimana pun hanya dua bentuk hubungan yang berlaku iaitu hubungan yang saling menyokong dan hubungan tegang sementara.

4.3.1 Hubungan Yang Saling Menyokong.

Ekspresi hubungan yang saling menyokong ini boleh diperhalusi melalui transkrip Mohd Sufri sebagaimana berikut:

“...orang Melayu ni ada kalanya dalam keadaan tertentu dia [terlampau pandang tinggi kepada Saudara Baru]... pakat nak bantu mula-mula masuk...eeem bila ada masalah sikit pakat nak tinggal ... yang ni nak ambil anak angkat, yang ni nak ambil anak angkat”⁹⁰

Perkara di atas menunjukkan bahawa wujud kalangan masyarakat Melayu Muslim yang memberi perhatian yang sangat tinggi terhadap komuniti Saudara Baru. Dalam konteks masyarakat Cina Muslim, perkongsian hidup yang sedia terjalin dengan masyarakat Melayu Muslim kerana faktor pergaulan dan tinggal di perkampungan Melayu mendorong dialog kehidupan inter etnik berlaku dengan lebih licin. Penampilan dialog

⁹⁰ Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

kehidupan dimanifestasikan melalui hubungan kejiwaan, kekeluargaan kerana kahwin campur dan rakan-rakan Muslim. Antara contoh-contoh yang diperoleh dari temu bual adalah sebagaimana berikut:

“[Hubungan dengan jiran ok, kadang-kadang hantar makanan dekat dia orang] macam mee goreng, pengat pisang.. *mother in law* pun suka kalau saya masak”.⁹¹

“Oklah, [ipar-ipar pun baik belakalah .. emak mertua saya ni jenis *open minded*, waris-waris (sebelah suami) *open minded* juga]”.⁹²

“..dia orang pun tolong saya belaka..ada sekali abang saya mari dekat sekolah, pergi dekat sekolah ni [cikgu-cikgu Melayu ni pegang dan *escort* saya takut *dikidnapped*] oleh abang saya”.⁹³

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai toleransi masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim dalam melakukan aktiviti hidup seharian, berkunjung ziarah, bertukar-tukar makanan, saling bantu-membantu dan sebagainya menunjukkan dialog kehidupan berlaku dalam tahap yang saling menyokong antara satu sama lain. Pengalaman hubungan yang saling menyokong ini banyak ditemui dalam kehidupan masyarakat Cina Muslim yang pernah tinggal di kampung-kampung Melayu Muslim. Justeru ini menunjukkan bahawa kefahaman terhadap budaya hidup masyarakat Melayu Muslim telah terbina sejak awal lagi melalui akulturasi budaya.

4.3.2 Hubungan Yang Tegang Sementara.

Gambaran kekaburan terhadap nilai agama, budaya dan sikap negatif dalam kalangan Muslim baka dan Saudara Baru diperjelaskan oleh Mohd Sufri sebagaimana berikut :-

“[Ramai orang Cina sendiri pening, yang mana budaya, yang mana agama]... banyak orang tak faham, orang Islam sendiri, ustaz-ustaz

⁹¹ Resp # 14 (Hailam), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

⁹² Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

⁹³ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

jatuhkan hukum haram ...padahal mende tu berkaitan budaya bukan agama macam tanglung. Jadi mende macam itu payah nak tarik orang-orang Cina”.⁹⁴

Satu hal yang pasti, hubungan yang membawa ketegangan ini disebabkan kurangnya memahami budaya komuniti lain. Hal ini kadang kala berpunca dari masyarakat Melayu Muslim sendiri yang melihat Islam merupakan agama yang ‘eksklusif’ untuk bangsa Melayu. Dalam kata lain, seseorang yang memeluk agama Islam bermakna ianya mesti mengikuti sepenuhnya budaya Melayu Muslim. Hasil dapatan menunjukkan konflik yang berlaku antara masyarakat Melayu Muslim dengan masyarakat Cina Muslim berpunca daripada salah faham terhadap budaya. Pengalaman ini diperihalkan sebagaimana berikut:

“Orang Melayu dengan Cinanya dia ada satu gap emm *double standard* dia tu ade.... Bila kita masuk Islam bercampur dengan orang Melayu, dengan keadaan orang Melayu dulu.. kita rasa nak memberontak..tau , masa tu bengong (bengang) sekejap. [Sebab apa dia orang dok leh(tidak dapat) terima budaya?]Dia orang tak boleh terima, kita nak pakai skirt semua ia tidak bagi, suruh pakai kain, kita ni panas.. kita ni dok pandai pakai kain sampai sekarang pun tidak pandai pakai kain”.⁹⁵

“..suami saya sakit masa hospital [dia orang satu (keluarga suami) orang tak ada satu orang pun datang ..adik beradik dia 10 orang tau bukan 1, 2 orang tau] ..Dia pergi kawan punya rumah ..dia tak pernah datang kita punya rumah tau . saya rasa apa punya saya salah”.⁹⁶

Selain daripada itu juga, hubungan yang bermasalah antara masyarakat Cina Muslim dan Melayu Muslim ternyata banyak dipaparkan dalam situasi kahwin campur. Hasil dapatan menunjukkan responden melalui tempoh kesukaran apabila berhadapan keluarga (mertua dan adik-beradik) dari pasangan Melayu Muslim. Namun begitu,

⁹⁴ Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

⁹⁵ Resp # 07 (Hokkien), temu bual dengan penulis, dalam 19 November 2012.

⁹⁶ Resp # 11 (Fochow), temu bual dengan penulis, dalam 22 November 2012.

responden mengambil satu tempoh masa untuk bersikap lebih berakomodasi antara satu sama lain. Justeru diperihalkan lagi:

“Sampai tahap dia suruh saya ajar anak dia mengaji..banyak rezeki yang sampai tu.. tapi *Alhamdulillah* sampai sekarang bila saya kata apa [dia orang akan dengar]”.⁹⁷

Hubungan yang bermasalah antara masyarakat Cina Muslim dengan Melayu Muslim bukan sahaja memberi impak yang buruk kepada perkahwinan campur tetapi ianya memberi tanggapan yang tidak baik kepada keluarga dari sebelah pihak Saudara Baru yang bukan Muslim.⁹⁸ Hasil dapatan selanjutnya juga menunjukkan bahawa wujud hubungan yang bermasalah antara pasangan Saudara Baru Cina yang berbangsa Melayu Muslim dengan mertua (ibu bapa pasangan Cina). Masalah tersebut berpunca dari isu bahasa dan makanan. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Orang Melayu (kawan-kawan) taksab sangat kepada imam Syafii, kalau mak hidang makanan yang halal macam kek dalam pinggan [dia tak makan]”.⁹⁹

“Hubungan isteri saya dengan mak saya masalah sikit, ibu saya [kurang petah bercakap bahasa Melayu].. saya ajar isteri saya belajar Cina dia tak ikut pun.. jadi pergaulan ada masalah sikitla. Kadang-kadang budaya Melayu dan Cina lain, kalau budaya Cina, menantu datang rumah, dia akan tolong mak mertua tapi isteri saya lain...dia pergi rumah mak mertua dia tak tahu apa nak tolong, mak saya rasa macam ada asing sikit la”.¹⁰⁰

Masyarakat Cina Muslim mengambil tempoh yang tertentu untuk berakomodasi dengan kehidupan masyarakat Melayu Muslim memandangkan mereka perlu memahami budaya masyarakat Melayu Muslim. Dalam masa yang sama, proses akomodasi budaya

⁹⁷ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

⁹⁸ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

⁹⁹ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

¹⁰⁰ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

ini juga berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu Muslim yang memilih pasangan hidupnya dari kalangan masyarakat Cina Muslim. Bagi kelompok ini, tempoh yang tertentu diperlukan untuk menyesuaikan diri khususnya yang berhubung kait dengan adat resam masyarakat Melayu Muslim. Selain daripada itu, hubungan yang bermasalah ini berpunca dari sikap masyarakat Melayu Muslim sendiri yang mengambil mudah terhadap hubungan yang berlatarkan budaya yang berbeza. Hubungan yang bermasalah menyebabkan dialog kehidupan agak sukar untuk diketengahkan apabila pudarnya sikap dan rasa saling percaya mempercayai antara satu sama lain. Justeru, konflik yang berlaku dalam komuniti Cina yang melakukan perkahwinan campur memaparkan hubungan tegang yang melibatkan antara tiga pihak iaitu Cina Muslim-Melayu Muslim-Cina Bukan Muslim.

Kajian yang dilakukan oleh Rosey Ma dan Osman Chuah yang menyatakan bahawa masyarakat Cina yang memeluk agama Islam tidak merasa selesa apabila berada dalam kelompok masyarakat Melayu Muslim. Hubungan komuniti Cina Muslim dan Melayu Muslim di negeri Terengganu selepas konversi tidak mencerminkan kenyataan sebagaimana yang dikemukakan oleh Rosey Ma, Osman Chuah, Syukri Yeoh dan Cheng Yamin. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan adanya kelainan *trend* hubungan yang berlaku antara masyarakat Cina Muslim dan Melayu di negeri Terengganu. Biarpun Wan Norhasniah dalam kajiannya menjelaskan bahawa masyarakat Cina mempertahankan rukun teras mereka yang berasaskan kepada *filial piety* yang melahirkan nilai keCinaan yang tegar, semangat kepuakan yang kental dan sikap pragmatis dalam mencapai satu komuniti yang unggul. Dalam kata lain, perkongsian

nilai induk agama tradisi menjadi paksi penyatuan masyarakat Cina.¹⁰¹ Namun begitu, kajian menunjukkan sebahagian besar masyarakat Cina yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu cenderung kepada melakukan asimilasi budaya Melayu. Malahan bagi generasi yang kedua dalam komuniti Cina Muslim, didapati budaya dan adat resam Melayu bersebuti dengan utuh dalam kehidupan mereka. Biar pun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir yang mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kelompok ini terdiri daripada masyarakat Cina Muslim yang berasal dari negeri-negeri lain dan berhijrah ke negeri Terengganu.

4.4 Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim dan Masyarakat Melayu Muslim.

Perkembangan dialog kehidupan pasca konversi komuniti Cina dengan komuniti Melayu Muslim di negeri Terengganu pada praktiknya melanjutkan proses perkongsian budaya Melayu dan amalan agama Islam dengan lebih rencam dan lebih mendalam. Ini adalah kerana, perkahwinan campur mendedahkan masyarakat Cina terhadap budaya kehidupan masyarakat Melayu Muslim pada segenapnya. Melalui dapatan temu bual, elemen-elemen dialog kehidupan boleh diperincikan dalam aspek-aspek berikut:-

4.4.1 Pengalaman Memahami Dan Mempelajari Adat Dan Budaya Melayu Muslim.

Proses memahami dan mempelajari adat dan budaya hidup masyarakat Melayu Muslim dalam kalangan masyarakat Cina pasca konversi di negeri Terengganu memperlihatkan ianya berlaku dalam bentuk mengukuhkan lagi perkongsian budaya melalui proses

¹⁰¹ Wan Norhasniah Wan Husin. "Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina", (Tesis PhD Universiti Malaya, 2010), 182.

akulturasi yang telah sedia berlaku. Dialog kehidupan mengenal adat resam masyarakat Melayu Muslim yang terangkum dalam rutin kehidupan seperti makan-minum, pakaian dan perkahwinan memperkayakan lagi pemahaman masyarakat Cina Muslim terhadap budaya hidup masyarakat lain. Antaranya dinyatakan sebagaimana berikut:

“kalau orang nak kahwin orang jemput kita, [hadirlah sebagai bagi sokongan suruh tengok pengantin, nak pergi minang] .. (Ketawa) kita cakap betul macam pantun saya tidak pandai”.¹⁰²

“Hubungan dengan masyarakat Melayu tak ada masalah, sebab Nurul dah biasa dah duduk dengan dia orang. [Dari segi makanan mak selalu ikut cara Melayu].. sebab duduk di kampung Melayu... kadang Nurul makan nasi dengan budu sahaja..dah berselera, tak perlu lauk yang lain. Dulu ... ayah pernah buat budu sendiri, lepas itu dia bagi-bagi kepada kawan-kawan Melayu dia”.¹⁰³

Sehingga kini didapati dalam kalangan responden, mempelajari adat dan budaya hidup masyarakat Melayu Muslim telah berakar umbi sekian lama kerana faktor pergaulan dan tinggal lama dalam kelompok masyarakat Melayu Muslim. Ini sebagaimana dijelaskan:

“[Cara hidup tuu boleh ikut lama dah lah].. lepas masuk Islam tuu kemudian tuu bolehla..makan nasi dengan tangan ... mak pun masuk Islam, sambut semua hari raya, *Chinese New Year* ... sambut dengan kawan-kawan, saudara banyak lagi Cina”.¹⁰⁴

“Aktiviti saya boleh *join* sebab saya biasa bercampur gaul dengan orang Melayu, kita orang Cina Peranakan [makan pun macam orang Melayu guna tangan ..kadang-kadang pakai sudu, *chopstick* ni jarang sangat]”.¹⁰⁵

Pengalaman menyertai rombongan meminang dan membawa hantaran menunjukkan masyarakat Cina Muslim cuba menyelami budaya dan adat resam Melayu Muslim

¹⁰² Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

¹⁰³ Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

¹⁰⁴ Resp # 03 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 16 Oktober 2012.

¹⁰⁵ Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14. November 2012.

dengan lebih mendalam. Justeru, dalam memahami adat resam masyarakat Melayu Muslim, responden berhadapan rasa tidak selesa kerana pengalaman tersebut belum pernah dialami oleh dirinya. Ini sebagaimana dijelaskan sebagaimana berikut:

“Macam kenduri kahwin ada pergi, saya tolong macam kawan-kawan..saya [selalu dipanggil untuk urusan meminang, hantar ke rumah pengantin baru, bawa hantaran]”.¹⁰⁶

“*First* [saya bawak sirih], takut patah, lepas tu masa hantar, dia kata sapa yang bawak sirih masuk dulula, hah (terkejut) malulah, tak pernah saya buat. Waktu saya pegang, langsung saya tak tau ..sebab saya tak pernah, *firsttime*, masuk lah rumah, malu ramainya orang tapi sekarang ok lah”.¹⁰⁷

Kajian yang dilakukan oleh Rosey Ma menjelaskan bahawa generasi masyarakat Cina Muslim jati (Cina Yunnan) berasimilasi dengan masyarakat Melayu Muslim dengan cepat kerana faktor perkahwinan campur.¹⁰⁸ Justeru dalam konteks masyarakat Cina yang melakukan konversi agama Islam dan berkahwin dengan masyarakat Melayu tempatan memperlihatkan *trend* berlakunya asimilasi. Keadaan ini boleh dilihat dalam penggunaan adat tradisi Melayu Muslim semasa menjalankan perkahwinan. Ini dapat dijelaskan dari kenyataan berikut:

“Dia punya adat macam adat Melayulah.. [kita tak pakai adat Cina sebab nak mengelakkan daripada orang yang tak perlu tahu].. keluarga semua tu..yang keduanya, *of course* kalau kita pakai adat kita dia akan jadi mende yang heboh pulak. Saya pakai baju Melayu, tak bersandinglah cuma bergambar sahaja”.¹⁰⁹

“[Anak-anak saya kahwin guna adab Melayu. Saya banyak wakil ke adik ipar saya]. Saya belajar dari situ ah.. adab merisik, meminang..

¹⁰⁶ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁰⁷ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

¹⁰⁸ Wang, Rosey Ma, “Chinese Muslims in Malaysia History and Development”, dicapai pada 13. Jan. 2012 http://210.0.141.99/eng/Malaysia/ChineseMuslim_in_Malaysia.asp.

¹⁰⁹ Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14. November 2012.

bersanding .. tapi orang Cina lebih kurang sahaja dengan Melayu budaya nak kahwin..ia pun ada merisik juga.. sama sahaja”.¹¹⁰

Yang nyata ialah responden mempunyai alasan yang tersendiri dengan mengelak menerapkan budaya Cina kerana dibimbangkan menimbulkan tanggapan yang salah dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim. Dalam proses kajian ini dilakukan, penulis bersama Persatuan Darul Fitrah telah berkunjung ke rumah Puan Halina Abdullah yang tinggal di Kampung Paloh, Kuala Terengganu pada 23 Februari 2012 dan rumah Puan Nurul Huda Ning Abdullah di Kampung Hiliran pada 10 Mac 2012 bagi mendapat gambaran yang lebih jelas. Kedua-duanya merupakan Cina Hokkien yang berkahwin dengan bangsa Melayu dan tinggal di persekitaran masyarakat Melayu Muslim. Dapat dinyatakan bahawa masyarakat Cina yang melakukan konversi agama lebih selesa tinggal di kawasan yang didiami oleh masyarakat Melayu Muslim. Melalui pemerhatian, didapati bahawa bahasa Cina tidak lagi mendapat perhatian generasi yang kedua apabila anak-anak Saudara Baru ini diberi pendidikan di Sekolah Kebangsaan Melayu. Malah anak-anak masyarakat Cina Muslim bercakap menggunakan dialek Melayu dengan fasih sebagaimana masyarakat Melayu Muslim Terengganu yang jati.

¹¹⁰ Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

Gambar 4.1: Kunjungan penulis ke rumah Puan Nurul Huda Ning Abdullah di kediaman beliau di Kampung Hiliran, Kuala Terengganu.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

4.4.2 Pengalaman Sambutan Hari Raya.

Sambutan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban merupakan dua perayaan besar yang disambut oleh masyarakat Muslim. Dialog kehidupan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina pasca konversi memperlihatkan wujudnya perkongsian hidup dalam aktiviti gotong royong dengan masyarakat Melayu Muslim ketika menyambut perayaan tersebut. Dapatan juga menunjukkan kelompok Cina Muslim juga menyediakan makanan sepertimana tradisi masyarakat Melayu Muslim. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“saya duduk lama dengan orang Melayu, [gotong royong dengan orang Melayu saya selalu sokmo] doh macam hari kenduri Hari raya ni maknanya kita pun buat kerjasama .. biasanya dalam keluarga saya lah yang masak nasi minyak dan nasi ayam saya masak. Kalau saya buat kenduri kahwin anak saya, keluarga asal saya semua mari”.¹¹¹

¹¹¹ Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

Namun begitu, dalam kalangan masyarakat Cina yang migrasi didapati lebih cenderung menyediakan masakan tradisi mereka seperti mee, air soya dan sebagainya. Ini disebabkan dalam kalangan jempunan ramai yang terdiri dari kalangan masyarakat Cina. Perihal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Kalau rumah terbuka saya buat, tapi orang Cina datanglah yang tinggal di taman semualah. Hari raya haji tak buatlah. [I buat biasa aje mee hon goreng, mee kari, atau buat soya]dia orang datang makan lah”.¹¹²

Sewaktu musim perayaan Idil Fitri, penulis telah melakukan kunjungan ke rumah terbuka Puan Nur Syamimi Abdullah yang tinggal di Kampung Pulau Kambing pada 26 Ogos 2012, beliau tinggal di kawasan persekitaran dalam kalangan masyarakat Cina bukan Muslim dan hanya terdapat beberapa buah rumah orang Melayu Muslim berhampiran. Kelaziman masyarakat Melayu Muslim menyediakan makanan bertemakan nasi tetapi Puan Nur Syamimi memilih masakan Cina iaitu mee sup dan stemboat sebagai menu utama. Hadirin terdiri daripada ahli keluarga dari bangsa Cina dan bangsa Melayu Muslim dari sebelah pihak suaminya. Selain itu, didapati masyarakat Cina Muslim memakai baju kurung dengan bertudung sebagaimana komuniti wanita Melayu Muslim ketika meraikan hari raya. Namun begitu kelihatan juga ahli keluarga Cina yang masih mengenakan pakaian harian biasa sebagaimana masyarakat Cina bukan Muslim. Suasana tersebut menunjukkan dialog kehidupan di antara masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim; dan masyarakat Cina Muslim dengan keluarga asal boleh berlaku dalam satu masa.

¹¹² Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

Gambar 4.2: Kunjungan pengkaji ke rumah Saudara Baru Cina di Kampung Pulau Kambing, Kuala Terengganu semasa majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Idul Fitri.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

4.4.3 Pengalaman Dialog Kehidupan Melalui Perkongsian Aktiviti Gotong-royong.

Aktiviti gotong royong merupakan sebahagian daripada cara hidup yang menjadi adat resam dan tunjang masyarakat Melayu Muslim. Antara amalan gotong royong yang dilakukan ialah bekerjasama menyediakan makanan ketika kenduri, persiapan sambutan hari kebesaran agama Islam di masjid atau di surau; dan menguruskan kematian. Berikut merupakan pengalaman penglibatan gotong-royong dengan masyarakat Melayu Muslim setempat yang dipaparkan oleh masyarakat Cina Muslim. Antaranya:

“[Gotong royong ia akan panggil minta tolong kupas bawang, Tanya saya macam mana nak bersihkan ayam, nak lembutkan ayam kita pun bagi tahu petua dia].. dia orang dah boleh terima apa yang saya masak, dia orang boleh makan..”¹¹³

¹¹³ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

“Kadang-kadang lah,, biasanya (gotong royong) kat surau atau dekat masjid ...[kadang-kadang MAIDAM panggil buat program gotong royong.]”¹¹⁴

“Biasa gak ikut gi tengok orang mati... [usung orang mati sampai ke kubur]”.¹¹⁵

“Kalau rumah yang kita kenal tu, jiran kita pergilah.. [kita tolong potong bawang, siang ayam, apa yang perlu kita buatlah, kita tengok yang mana tempat kurang tenaga kita gi tempat itu]”.¹¹⁶

“Kalau majlis kahwin biasanya jiran-jiran, saudara-saudara isteri kita pergila, [bantu siang daging, pasang khemah.]”.¹¹⁷

Gotong royong mewujudkan landskap masyarakat yang mengamalkan semangat toleransi yang unggul antara umat yang berbeza budaya. Selain daripada itu, ianya menjadi alat memupuk perpaduan masyarakat sama ada di desa ataupun di bandar. Ternyata melalui pelaksanaan jalinan dialog kehidupan seperti aktiviti gotong-royong ini, setiap ahli berkongsi bersama-sama merasai kepayahan dalam menguruskan sesuatu perkara.

4.4.4 Memupuk Hubungan Melalui Kegiatan Agama Harian.

Masyarakat Cina Muslim memahami agama Islam secara khusus dengan menghadiri kelas yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah negeri Terengganu. Kelas-kelas yang dianjurkan hanya dikhususkan kepada Saudara Baru bagi mengelakkan wujud rasa *complex inferiority* dalam kalangan mereka. Bertitik tolak daripada menerima pengajian formal daripada badan-badan dakwah di negeri Terengganu, masyarakat Cina Muslim meneroka pengajaran agama dengan melibatkan diri dalam praktis agama bersama masyarakat Melayu Muslim. Antara aktiviti tersebut ialah melaksanakan solat

¹¹⁴ Resp # 05 (Teochew), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

¹¹⁵ Resp # 05 (Teochew), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

¹¹⁶ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹¹⁷ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

berjemaah, mendengar kuliah agama, majlis tahlil dan kelas pengajian al-Quran.

Pengalaman ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Sekarang kalau semua masyarakat buat mende-mende saya terlibat ah.. contohnya saya [mengajar anak-anak jiran mengaji al-Quran]”.¹¹⁸

“Sampai tahap [dia suruh saya ajar anak dia mengaji]..banyak rezeki yang sampai tu.. tapi Alhamdulillah sampai sekarang bila saya kata, dia orang akan dengar”.¹¹⁹

“[Macam dia orang nak buat tahlil kita pergilah jemput budak-budak dari Maahad Tahfiz] beberapa orang dan *join* dengan dia orang sekali, sembahyang....”.¹²⁰

“kalau ada kematian, [saya biasa pergi surau], kalau orang surau kata ada [tahlil] kita akan pergilah”.¹²¹

Kesempatan menyertai kuliah Maghrib yang disampaikan oleh En. Jaafar Ng pada 27 Oktober 2012 yang menceritakan pengalaman beliau memeluk agama Islam telah memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hal ini. Para peserta terdiri daripada para pelajar Melayu jurusan perubatan tahun 3, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) bertempat di Surau Kampus Perubatan UNISZA, Kuala Terengganu. Selain menceritakan pengalaman memeluk agama Islam, beliau sempat menyanyikan nasyid yang disampaikan dalam bahasa Mandarin dan membaca ayat-ayat al-Quran sambil bertaranum.

¹¹⁸ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

¹¹⁹ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹²⁰ Resp # 05 (Teochew), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

¹²¹ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

Gambar 4.3: Encik Jaafar Ng Abdullah menyampaikan kuliah Maghrib di surau Kampus Perubatan UNISZA menceritakan pengalaman beliau memeluk agama Islam.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Pendek kata apa-apa bentuk yang merupakan perkongsian amalan agama Islam banyak mengikat hubungan antara masyarakat Cina Muslim dan Melayu Muslim. Dalam tempoh yang tertentu, masyarakat Cina Muslim berjaya menerima kepercayaan daripada masyarakat Muslim di sekitar apabila mereka diminta menyampaikan kuliah agama kepada masyarakat Melayu Muslim.

4.4.5 Pengalaman Dialog Kehidupan Dalam Konteks Tinggal Bersama Keluarga Angkat.

Keluarga angkat memainkan peranan yang penting dalam memberi kefahaman tentang agama dan budaya masyarakat Melayu Muslim kepada masyarakat Cina Muslim khususnya melalui perkongsian aktiviti. Justeru itu, pengalaman tinggal bersama keluarga angkat merupakan antara bentuk dialog kehidupan yang paling awal berlaku dalam kalangan masyarakat Cina. Hasil kajian mendapati dalam kalangan masyarakat Cina Muslim yang telah mempunyai keluarga angkat Melayu Muslim sebelum memeluk agama Islam lagi. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“[Lepas itu saya mengenali keluarga angkat Melayu Islam]... tapi dah meninggallah saya tengok dia mempunyai anak-anak, keluarga yang besar dan hidupnya agak senang..orang mewah jugaklah tapi dia *very humble*, air mukanya cerah”.¹²²

Pun begitu menurut Abdul Halim, tidak semestinya layanan yang diberikan oleh keluarga angkat menyenangkan Saudara Baru.¹²³ Lantaran itu antara pengalaman tinggal bersama keluarga angkat yang dirakamkan adalah sebagaimana berikut:

“Rumah mak angkat, duduk jugalah tapi dia tidak faham jugak...dia mimpi saya kahwin dengan ayah angkat saya...lepas tu bila ayah angkat saya puji..masakan saya, [dia cemburu... lepas itu saya duduk sekejap jelah]”.¹²⁴

“Masa tu duduk rumah kawan Melayu... sementara, kemudian kita masuk Islam naik pejabat agama ... jumpalah Datuk Mufti.. dia arwah dah... [jadi dia jadikan saya anak angkat dia]. Saya pun duduk ngen (dengan) dia terus, bila dok ngen dia belajarlh agama campur ngen anak-anok dia seme.. kita belajar-belajar memang belajar betul-betul.. Dia Arab, saya Cina .. cakap Melayu (ketawa)”.¹²⁵

“Pasir Panjang..ustazah, cikgu sekolah saya gok (juga).. [nasib baiklah saya bertuahlah dapat pembimbing dia] ..maknya apa tak faham tu saya tanyalah”.¹²⁶

“lepas bila aku balik dia tak kenal aku lama dia *check* aku, [aku bawa juga ayah angkat aku baru] dia rai kat aku, dia sambut moleklah dia tak marah lah”.¹²⁷

Pengalaman di atas menunjukkan bahawa masyarakat Cina banyak mendapat tunjuk ajar tentang agama dan hal ehwal kehidupan masyarakat Melayu Muslim dari keluarga angkat. Malah didapati keluarga angkat berperanan menjadi ‘orang tengah’ dalam menjalinkan hubungan yang baik dengan keluarga asal. Walau bagaimanapun tidak

¹²² Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

¹²³ Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

¹²⁴ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹²⁵ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

¹²⁶ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

¹²⁷ Resp # 20 (Hokkien), temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

semua anggota keluarga angkat Melayu dapat menerima kehadiran Cina Muslim di rumah dengan baik. Mohd Sufri menyatakan bahawa dalam kalangan masyarakat Cina yang memeluk Islam, wujud peranan keluarga angkat dalam memberi pemahaman tentang agama Islam dan masyarakat Muslim.¹²⁸ Biarpun begitu, Abdul Halim Lim menjelaskan bahawa kehidupan baru masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu khususnya dengan keluarga angkat banyak bergantung kepada penyesuaian diri Saudara Baru.¹²⁹ Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa keluarga angkat memberi pengaruh yang tersendiri dalam kehidupan Saudara Baru Cina di negeri Terengganu. Keluarga angkat menjadi titik awal bagi sebahagian masyarakat Cina Muslim memahami agama dan budaya masyarakat Melayu Muslim dengan lebih rinci. Penglibatan dialog kehidupan dalam aktiviti bersama dengan keluarga angkat Melayu menunjukkan wujud keinginan mendalam masyarakat Cina Muslim memahami agama dan budaya masyarakat Melayu Muslim. Walaupun, keluarga angkat bukan jaminan bagi masyarakat Cina Muslim mendapat pengajaran agama Islam yang terbaik, namun begitu dapatan kajian menunjukkan kebanyakan masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu memahami agama dan adat resam masyarakat Melayu Muslim melalui pengalaman tinggal bersama keluarga angkat. Boleh dikatakan dialog kehidupan melalui aktiviti seperti solat bersama-sama di rumah, menjaga aurat dan mengamalkan akhlak Islam merupakan satu bentuk pendedahan agama yang berlaku semasa tinggal dengan keluarga angkat. Justeru itu, masyarakat Cina Muslim banyak memahami budaya hidup Islam melalui pemerhatian terhadap apa yang berlaku dalam lingkungan keluarga angkat.

¹²⁸ Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012

¹²⁹ Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

Dalam konteks pengalaman tinggal bersama dengan seorang Cina yang baru memeluk agama Islam yang juga merupakan kawan kepada adik ipar tinggal di rumah penulis. Dapat dijelaskan bahawa, kemampuan bercakap Melayu dengan menggunakan loghat Terengganu menunjukkan bahawa Saudara Baru ini biasa berkawan rapat dengan masyarakat Melayu Muslim yang lain. Lantaran itu beliau menjelaskan bahawa beliau pernah menjadi guru tuisyen bahasa Mandarin untuk mengajar anak-anak jirannya yang berbangsa Melayu. Pun begitu penulis mendapati Saudara Baru ini sedang melalui proses akomodasi apabila keluar dari rumah dengan adik ipar penulis memakai baju kurung dengan bertudung. Manakala di dalam rumah memilih untuk memakai pakaian ala Cina seperti baju *t-shirt* dan masih mengenakan seluar yang agak singkat. Namun begitu, Saudara Baru ini tidak mempunyai masalah menyediakan masakan yang biasa dimakan oleh masyarakat Melayu Muslim. Situasi yang sama turut berlaku semasa penulis tinggal bersama dengan beberapa Saudara Baru Cina di pusat latihan Persatuan Darul Fitrah di Kampung Bukit Besar, Kuala Terengganu pada 6-13 April 2012. Penglibatan Saudara Baru Cina dalam aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan seperti bacaan sūrah Yāsin dan Tahليل, majlis marhaban dan berzanji, program gotong-royong dan sambutan perayaan memperlihatkan bahawa wujudnya rasa keterbukaan dalam kalangan masyarakat Cina untuk bersama-sama terlibat secara langsung dalam dialog kehidupan.

Gambar 4.4: Pengalaman merasai tinggal bersama dengan Saudara Baru yang tinggal di Kompleks Darul Fitrah di Kampung Bukit Besar Kuala Terengganu.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Ternyata elemen-elemen mengenal agama Islam yang dilalui oleh Saudara Baru Muslim ini dan proses menyesuaikan diri berlaku secara bertahap. Justeru, ianya banyak didorong oleh peranan masyarakat Melayu Muslim di sekeliling seperti jiran, rakan sebaya dan pergaulan dengan masyarakat Muslim setempat.

4.5 Pengalaman Badan Dakwah dan NGO Islam Dalam Memupuk Dialog Kehidupan Saudara Baru Cina.

Pusat Latihan Saudara Baru di Kompleks Darul Hidayah, PERKIM, Persatuan Darul Fitrah dan *Malaysian Chinese Association* (MACMA.) Terengganu merupakan badan dakwah yang memainkan peranan penting menguruskan kebajikan Saudara Baru di negeri Terengganu. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Terengganu atau dikenali sebagai MAIDAM merupakan satu-satunya badan kerajaan yang berfungsi untuk memastikan pengurusan dan perjalanan hal ehwal Islam di negeri ini pada landasan yang betul termasuk dalam perihal Saudara Baru. Di bawah badan induk tersebut, Jawatankuasa Kegiatan Hal Ehwal Islam dan Jawatankuasa Temu duga Pendakwah merupakan dua badan kecil yang mengendalikan urusan-urusan yang berkait

Saudara Baru di negeri Terengganu. Jawatankuasa Kegiatan Hal Ehwal Islam berperanan merancang dan mencadangkan program-program yang sesuai untuk dilaksanakan bagi memajukan pentadbiran hal ehwal agama Islam dari aspek dakwah, pendidikan, penyelidikan, pembangunan rohaniah dan akhlak serta pembinaan insan. Manakala Jawatankuasa Temu duga Pendakwah memilih para pendakwah bagi menyebarkan agama Islam dan memberi latihan kepada golongan Saudara Baru. Pengurusan terhadap Saudara Baru di negeri Terengganu diletakkan di bawah pengelolaan Pusat Latihan Saudara Baru di Kompleks Darul Hidayah, MAIDAM yang terletak di Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu.¹³⁰

Manakala itu, Persatuan Darul Fitrah¹³¹ negeri Terengganu ditubuhkan untuk menjaga kebajikan masyarakat Saudara Baru di negeri Terengganu. Badan dakwah NGO ini juga berfungsi menyatukan masyarakat Saudara Baru dengan masyarakat Islam di sekeliling melalui program-program bersama. Selain daripada itu, Persatuan Darul Fitrah menjalankan program dakwah kepada masyarakat *non-Muslim* secara harmoni dan bertanggungjawab. Persatuan sukarela berdaftar bukan kerajaan ini ditubuhkan oleh sekumpulan Saudara Baru dan golongan tenaga profesional. Objektifnya adalah memberi khidmat kebajikan secara menyeluruh khasnya kepada Saudara Baru melalui pendidikan, kaunseling dan dakwah bagi memantapkan keimanan dan keyakinan terhadap agama Islam melalui pelbagai program serta aktiviti yang disusun rapi.¹³²

Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA) Terengganu juga merupakan badan dakwah NGO negeri Terengganu ditubuhkan pada tahun 1995 oleh Encik Jaafar Ng bin Abdullah dengan hanya mengandungi 41 orang ahli sahaja. Keahlian persatuan

¹³⁰ Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012. Lihat juga lihat dalam Seksyen/Unit Maidam, dicapai pada 13 / Okt /2012, http://www.maidam.gov.my/direkt_maidam1/carian_bahagian.php.

¹³¹ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

¹³² *Ibid.*

ini terus berkembang pada tahun 1997 dengan seramai 300 orang anggota orang ahli.¹³³ Tumpuan program yang dijalankan dilihat lebih khusus kepada masyarakat Cina Muslim. Objektif MACMA adalah menyatukan masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat Muslim yang lain, menjaga kebajikan masyarakat Cina Muslim dan; memastikan kelangsungan adat dan budaya dalam kalangan masyarakat Cina terpelihara. Selain melibatkan masyarakat Melayu, aktiviti yang dijalankan juga terdiri daripada masyarakat Cina bukan Muslim. Pada hari ini, *Malaysia Chinese Muslim Association* (MACMA) Terengganu juga dipengerusikan oleh Norhana Ng Abdullah. Oleh kerana Norhana menjadi pengerusi Persatuan Darul Fitrah Terengganu dan MACMA Terengganu, justeru itu kedua-dua aktiviti banyak dilakukan di ibu pejabat yang sama bertempat di 1634 K & L, Taman Had, Jalan Ibrahim, Bukit Besar 21100 Kuala Terengganu.¹³⁴

Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) cawangan negeri Terengganu terletak di Kampung Bukit Kecil, Kuala Terengganu ditubuhkan pada 26 September 2007. Objektif PERKIM Terengganu ialah menguruskan hal ehwal dan kebajikan Saudara Kita, memastikan Saudara Kita mendapat perlindungan dan keselamatan daripada ancaman keluarga dan orang luar, memastikan Saudara Kita mendapat pendidikan ilmu fardu ‘ain dan Al-Quran, menyediakan bengkel kemahiran jahitan untuk Saudara Kita, melakukan kegiatan dakwah untuk Orang Asli dan; menjalankan program-program yang berkaitan aktiviti mengeratkan hubungan silaturahim Saudara Kita dan juga masyarakat Orang Asli.¹³⁵ Walaupun badan-badan dakwah ini diletakkan

¹³³ Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Yunus Abdullah Ma Zhengbin, *Gerakan Dakwah Islam di Kalangan Masyarakat Cina Terengganu* dalam *Dakwah Multi Etnik*, ed. Ahmad Redzuwan et al. (Bangi, UKM, 2010) 241.

¹³⁴ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

¹³⁵ Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

di bawah pengurusan yang berbeza, didapati wujud kesamaan dari aspek hala tuju iaitu memberi perhatian kepada Saudara Baru yang melakukan konversi agama Islam di negeri Terengganu. Justeru, tidak hairan sekiranya banyak program-program yang dijalankan untuk Saudara Baru di negeri Terengganu lebih bersifat kerjasama antara badan dakwah NGO. Melalui aktiviti kerjasama antara kaum yang dijalankan, ianya menyerlahkan pelbagai elemen dialog kehidupan. Namun begitu, penulis hanya akan memberi fokus kepada program-program yang berkaitan dengan masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu berdasarkan pengalaman turut serta dan temu bual yang dijalankan. Antaranya adalah sebagaimana berikut:

4.5.1 Dialog Keharmonian Antara Agama

Program ini dianjurkan oleh *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) dengan kerjasama Persatuan Darul Fitrah negeri Terengganu dan MAIDAM. Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan kepada hadirin khususnya dari kalangan masyarakat Cina Terengganu bagaimana kaedah dan pengalaman mendidik anak-anak menurut perspektif Islam dan ajaran Buddha. Norhana yang mewakili masyarakat Cina Muslim menjelaskan bahawa, ibu bapa mendidik anak-anak dengan menyediakan persediaan awal seperti memberi pendidikan al-Quran, bimbingan tentang solat, konsep-konsep asas ketuhanan dan pendidikan akhlak. Manakala Encik Teo Beng Jin dari Persatuan Agama Buddha Terengganu menjelaskan bahawa, antara ajaran yang ditekankan dalam pengajaran agama Buddha yang menyentuh tentang pendidikan anak-anak ialah galakan mencari ilmu, menghormati ibu bapa, orang tua dan guru. Program ini diadakan di Taman Perbandaran Shah Bandar Kuala Terengganu pada 24 Disember 2011. Selain daripada itu, para peserta yang terdiri daripada masyarakat Melayu Muslim,

Cina Muslim dan masyarakat bukan Muslim disajikan dengan persembahan tarian tradisional Cina.¹³⁶ Dalam konteks ini, dialog perkongsian pengalaman kehidupan beragama ditonjolkan dalam bentuk lebih formal. Walaupun berbeza agama, didapati wujud ruang perkongsian dalam membicarakan soal-soal rutin kehidupan biasa seperti dalam pendidikan anak-anak. Sama ada dalam ajaran Islam atau pun ajaran Buddha galakan mencari ilmu, mengamalkan akhlak yang baik dan berbuat baik kepada ibu bapa merupakan amalan yang dititik beratkan.

Gambar 4.5: Karnival TV Al-Hjirah di Terengganu¹³⁷



Sumber: Pengalaman Turut Serta

4.5.2 Malam Tautan Kasih

Malam Tautan Kasih dianjurkan oleh MAIDAM dengan kerjasama MACMA Terengganu dan Persatuan Darul Fitrah adalah bersempena menyambut sambutan Tahun Baru Cina pada 29 Januari 2012 bertempat di Hotel Primula, Kuala Terengganu. Program yang dianjurkan ini disertai oleh 40 komuniti bukan Muslim dari kalangan masyarakat Cina dan wakil dari Persatuan Kristian Terengganu. Manakala komuniti

¹³⁶ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

¹³⁷ Satu forum antara agama telah berlangsung pada 24 Disember 2011 (Sabtu) di Taman Syahbandar, Kuala Terengganu. Ahli panel yang terlibat ialah En. Teo Beng Jin (Persatuan Buddha Terengganu) & Datin Norhana Ng (Persatuan Darul Fitrah Terengganu). Forum ini dikendalikan oleh Xifu Naser selaku MC. Forum ini juga turut diserikan dengan persembahan lagu tradisional Cina dan persembahan dari Studio Mualaf. Peserta yang terdiri daripada masyarakat Melayu, Cina Bukan Muslim dan Cina Muslim sedang mendengar dialog pengalaman keagamaan ahli panel di Taman Perbandaran Syahbandar Kuala Terengganu.

Muslim terdiri daripada masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim. Walaupun tujuan asal program ini dikhususkan kepada masyarakat Cina Muslim, pendedahan kebudayaan Cina seperti Tarian Singa, gendang Cina dan makan menggunakan *chopstik* menjelaskan kepada masyarakat Cina bukan Muslim bahawa memeluk Islam tidak menghapuskan budaya asal mereka. Bagi masyarakat Melayu Muslim pula, pendedahan sedemikian memberi kefahaman bahawa memeluk Islam bukan bermakna seseorang itu menjadi Melayu. Justeru juga Abdul Halim menyatakan sebagaimana berikut:

“Kita melihat program itu amat berjaya, [daripada reaksi yang ditunjukkan oleh komuniti bukan Islam, mereka teruja], sebab kalangan yang hadir dari kalangan saudara baru mereka berkomunikasi dengan bahasa mereka, kita memberi faham kepada mereka bahawa [bangsa tetap bangsa walaupun agama berlainan]”.¹³⁸

Dialog kehidupan melalui perkongsian program-program budaya yang dijalankan sebagaimana diterangkan di atas dapat menjelaskan salah faham bahawa Islam dan bangsa merupakan dua perkara yang berbeza. Lebih jauh lagi, pengalaman-pengalaman sedemikian dapat menjalinkan hubungan persaudaraan di samping memupuk kepada toleransi dalam beragama dan budaya.

¹³⁸ Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

Gambar 4.6: Persembahan tarian singa dan paluan gendang serta komuniti Melayu Muslim merasai hidangan Cina dengan mencuba menggunakan *chop stick*.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

4.5.3 Sambutan Tahun Baru Cina.

Sempena sambutan Tahun Baru Cina, MAIDAM dengan kerjasama PERKIM negeri Terengganu pada 21 Januari 2012 mengadakan sesi dialog yang menceritakan pengalaman Cina yang melakukan konversi agama. Melalui perkongsian pengalaman Saudara Baru Cina pada sebelum dan selepas memeluk agama Islam, perihal ini mendedahkan banyak cabaran yang dihadapi oleh komuniti ini. Program yang dianjurkan oleh PERKIM ini adalah bersempena sambutan Tahun Baru Cina ini melibatkan peserta dalam kalangan Saudara Baru Cina Muslim, manakala jemputan terdiri daripada masyarakat Melayu Muslim, dan etnik-etnik lain yang beragama Islam.

Gambar 4.7: Program perkongsian pengalaman memeluk agama Islam sempena Sambutan Tahun Baru Cina anjuran PERKIM Terengganu. Para peserta terdiri daripada komuniti Saudara Baru, bukan Muslim dan masyarakat Melayu Muslim.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Malahan penulis juga mendapati, program ini juga disertai oleh masyarakat Cina bukan Muslim yang hadir kerana mengikuti ahli keluarga yang telah memeluk agama Islam. Melalui kaedah penceritaan pengalaman hidup Cina Muslim, hadirin berkongsi suka duka kehidupan Saudara Baru dalam melalui cabaran hidup. Dalam bentuk yang lain, Persatuan Darul Fitrah dan MACMA Terengganu menganjurkan Sambutan Tahun Baru Cina pada 21 Februari 2013 di kompleks Darul Fitrah. Program yang disertai oleh masyarakat Cina Muslim, masyarakat Cina bukan Muslim dan masyarakat Melayu Muslim ini memaparkan persembahan tarian singa dan hiasan tradisi Cina bertujuan memupuk kerjasama di antara tiga kelompok etnik di negeri Terengganu.

Gambar 4.8: Persembahan Tarian Singa yang sempena Sambutan Tahun Baru Cina di perkarangan pusat aktiviti MACMA Terengganu



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Gambar 4.9: Sambutan Tahun Baru Cina yang dianjurkan juga oleh MAIDAM Terengganu turut disertai oleh masyarakat Cina bukan Muslim bersama-sama meraikan *yee sang*.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

4.5.4 Majlis Berbuka Puasa.

Program ini dianjurkan oleh MAIDAM negeri Terengganu bertempat di Hotel Primula, di Batu Burok, Terengganu pada 25 Julai 2012. Walaupun program ini merupakan program kebiasaan yang dilakukan oleh MAIDAM Terengganu, kelainan yang ada pada tahun ini ialah apabila dalam kalangan bukan Muslim juga dijemput hadir bagi merasai

pengalaman berbuka puasa dengan rakan-rakan dan saudara mereka yang beragama Islam

4.10: Saudara Baru Cina turut membawa ibu dan ibu saudaranya yang bukan Muslim meraikan bersama-sama majlis berbuka puasa anjuran MAIDAM pada di Hotel Primula



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Oleh kerana majoriti Saudara Baru ini terdiri daripada masyarakat Cina, sesi pengerusi dilakukan dalam dua bahasa iaitu bahasa Mandarin dan bahasa Melayu. Program ini juga dihadiri oleh wakil dari Persatuan Buddha Terengganu dan Persatuan Kristian Terengganu. Selain daripada itu, ada dalam kalangan Cina Muslim yang membawa ahli keluarganya yang masih bukan Muslim untuk mengikuti acara berbuka puasa. Malahan penulis mendapati menu masakan yang disediakan adalah berkonsepkan Cina dan Melayu Muslim. Sesi pemberian zakat juga diberikan kepada Saudara Baru yang mempunyai masalah kewangan dan yang baru memeluk agama Islam. Justeru, penglibatan dialog kehidupan beragama pada peringkat ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang menganut agama Islam dan juga masyarakat bukan Muslim.

Lebih jauh lagi walaupun berbeza budaya melalui penglibatan penulis dalam Majlis Berbuka Puasa di Persatuan Darul Fitrah, penulis mendapati masyarakat Cina

Muslim bersama-sama melakukan solat berjemaah, solat sunat Tarawih dan witr dan bersama-sama mendengar kuliah agama.

4.11: Saudara Baru Cina Bersama-sama Berbuka Puasa dan Melaksanakan Solat Sunat Tarawih di Kompleks Darul Fitrah.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

4.5.5 Program Mengenal Budaya.

Beberapa program yang merapatkan hubungan antara Saudara Baru dengan masyarakat Melayu juga diperkenalkan. Antaranya, menurut Mohd Sufri, program asimilasi lazimnya bertujuan supaya Saudara Baru termasuk masyarakat Cina Muslim memahami dan mempelajari budaya hidup masyarakat Melayu Muslim. Justeru, masyarakat Cina Muslim didedahkan kehidupan keluarga Islam melalui pengalaman tinggal bersama agar mereka tidak merasa kekok untuk bergaul dengan masyarakat Melayu Muslim. Selain mengenal adab dan kehidupan Islam, memahami budaya hidup masyarakat Melayu Muslim memberi kelebihan kepada masyarakat Cina Muslim khususnya apabila

ramai dalam kalangan mereka tinggal bersama dalam kelompok masyarakat Melayu Muslim.¹³⁹

4.5.6 Sambutan Hari Kebesaran Islam.

Melalui pengalaman turut serta, penulis telah mengikuti program sambutan hari kebesaran Islam yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah negeri Terengganu. Pada 16 September 2012, persatuan Darul Fitrah telah melaksanakan sambutan Hari Raya Idil Fitri bertempat di pusat aktivitinya di Kampung Bukit Besar. Para peserta terdiri daripada masyarakat Melayu Muslim, Cina dan etnik lain yang telah memeluk agama Islam. Komuniti Muslim dari pelbagai bangsa berkongsi menyediakan sajian makanan. Selain daripada itu, masyarakat Muslim bersalam-salaman, duduk bersama-sama dan menikmati hidangan yang disediakan.

Gambar 4:12: Saudara Baru Cina Bersama-sama Menikmati Jamuan Hari Raya Idil Fitri Dengan Masyarakat Muslim Yang Lain.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Selain daripada itu pada 29 Oktober 2012, penulis mengikuti sambutan Hari Raya Idil Adha yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu di Kompleks Darul

¹³⁹ Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

Hidayah (MAIDAM Terengganu) pada hari raya yang ketiga dengan sembelihan korban sebanyak 4 ekor lembu. Aktiviti gotong royong seperti melapah daging, memasak, membaca takbir hari raya, jemuan dan pengagihan daging merapatkan lagi hubungan antara Saudara Baru Islam dengan masyarakat Melayu.

Rajah 4.13: Saudara Baru Cina bersama-sama dengan komuniti Muslim yang lain melibatkan diri dalam upacara gotong-royong sempena sambutan Hari Raya Idul Adha.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Selanjutnya, Persatuan Darul Fitrah menganjurkan program mengacau bubur Asyura pada 4 Disember 2012 di perkarangan kompleks tersebut. Sebanyak tiga buah periuk dengan melibatkan peserta dalam kalangan masyarakat Cina dan Melayu yang beragama Islam bergotong royong memasak bubur Asyura.

Gambar 4:14: Saudara Baru Cina sedang mengacau bubur Asyura di perkarangan Kompleks Darul Fitrah.



Sumber: Pengalaman Turut Serta

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa badan-badan dakwah di negeri Terengganu menetengahkan pelbagai bentuk perkongsian aktiviti yang mampu memupuk hubungan antara kaum dan agama. Dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti bertujuan memberi kefahaman, kesedaran dan menghormati kepercayaan dan amalan budaya masing-masing. Lantaran itu, tidaklah sukar seorang Muslim menyambut Tahun Baru Cina selagi mana acara yang dilakukan tidak bercanggah dengan hukum syarak Islam. Mengambil kira pengalaman hubungan antara agama dan budaya masyarakat Cina di negeri Terengganu, jalinan dialog kehidupan yang berlaku dalam bentuk turut serta dan pemerhatian mampu merungkaikan persoalan perbezaan agama dan budaya dalam masyarakat. Malahan kelihatan kegembiraan dan keterujaan komuniti Cina Muslim memerikan adat dan budaya asal sebagai suatu pemuliharaan peninggalan yang diwarisi sejak turun temurun.

4.6 Dialog Kehidupan Berteraskan Toleransi Yang Unggul

Toleransi Islam terangkum dalam ruang kehidupan manusia yang cukup luas termasuk dalam persoalan akidah. Lantaran itu, toleransi dalam umat beragama tidak memaksa

masyarakat bukan Muslim untuk beriman dengan agama Islam. Dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama, toleransi menjadi prasyarat utama bagi setiap individu untuk menikmati kehidupan yang aman dan tenteram.¹⁴⁰ Konversi agama Islam yang memperlihatkan jumlah yang sentiasa meningkat saban tahun menuntut setiap umat berpegang kuat terhadap nilai-nilai toleransi.¹⁴¹ Tambahan lagi, fenomena konversi agama Islam sering kali mengundang konflik antara Saudara Baru dengan keluarga asal.¹⁴² Sebagaimana yang dijelaskan bahawa kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu berhadapan sikap penentangan daripada keluarga asal setelah melakukan konversi agama. Ekoran daripada ini, hasil kajian mendapati masyarakat Cina Muslim di negeri ini cuba membina semula hubungan intra etnik dengan memupuk nilai-nilai toleransi yang unggul. Justeru, wujud dua bentuk toleransi yang berlaku dalam masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu iaitu toleransi agama dan toleransi budaya. Dialog kehidupan yang disuburkan dengan nilai toleransi beragama berlaku dalam hubungan intra etnik manakala bentuk toleransi budaya banyak ditemui dalam perkongsian adat resam. Dalam melaksanakan perkongsian aktiviti, masyarakat Cina bukan Muslim menghormati amalan agama yang dilakukan oleh ahli keluarga yang memeluk Islam, dapatan temu bual menjelaskan toleransi agama ini adalah sebagaimana berikut:

“Pernah adik beradik saya tengok saya sembahyang, [ayah saya tengok, lepas itu ayah saya sediakan tempat bersih untuk saya sembahyang] ..baguslah dari segi layanan dia...lepas itu..anak-anak saudara duduk tepi...saya baca *fatihah*. Dia pun baca *fatihah* dia pun panggil ramai-

¹⁴⁰ Mohammad Nidzam Abdul Kadir, “Bagaimana Berinteraksi Dengan Non Muslim Dalam Konteks Malaysia,” dalam *Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam (23-24 Disember 2009 di Dewan Annex, Shah Alam)*, 2.

¹⁴¹ Osman Chuah Abdullah & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia*, (Kuala Lumpur: UIAM Press, 2008), 45.

¹⁴² *Ibid.*, 55.

ramai lai-lai-lai mari sembahyang ..ayah pun tidak larang mana...[Cuma kemudian-kemudian sahaja dia larang takut ganggu]”.¹⁴³

“Tapi sekarang ni saya setiap tahun pergilah (berkunjung rumah ibu), tidur sana ..kalau nak buat ibadah solat dia tak halang, [kalau hari Jumaat nak pergi solat saya tak ada kenderaan nak pergi solat, dia menawarkan kereta, ambik kereta ni pergi solat Jumaat]. Setelah saya dapat anak pertama itulah barulah dia terima”.¹⁴⁴

Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan bahawa masyarakat Cina Muslim menziarahi kematian ahli keluarga yang meninggal sebagai tanda penghormatan. Ternyata, sedikit sebanyak masyarakat Cina bukan Muslim memahami bahawa agama Islam tidak membenarkan sebarang bentuk penyembahan dilakukan terhadap manusia. Justeru, ini menggambarkan bahawa toleransi agama dengan menghormati kepercayaan lain ‘terwujud’ dan ‘terlahir’ dalam proses membina semula hubungan Saudara Baru dengan keluarga asal. Responden menjelaskan sebagaimana berikut:

“Kala emak saya mati saya gi.. tapi orang Melayu dok wi gi (tidak bagi).. bila saya gi saudara mara memang ramai.. dia pun masing-masing mari dok kat (duduk dekat) saya dia tanya boleh gi mari (boleh datang).. saya kata boleh mari cuma syaratnya, [satu tok leh gi (tidak boleh pergi) sembahyang]”.¹⁴⁵

“Masa mati saya pergi melawat (kematian), dia suruh kita sembah, saya kata tak bolehlah, mak saudara kita kata mu tok lehlah (tak perlu buat) mu melawat je (si mati) [dia orang pun faham gak]”.¹⁴⁶

Hasil dapatan juga menunjukkan toleransi agama juga berlaku ketika masyarakat Cina meraikan hari kebesaran dan makan bersama keluarga. Mengambil kira budaya masyarakat Cina yang sering kali bercampur aduk dengan unsur-unsur keagamaan, masyarakat Cina Muslim menghormati sambutan perayaan dengan turut menyertai

¹⁴³ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012

¹⁴⁴ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012

¹⁴⁵ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹⁴⁶ Resp # 20 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

aktiviti yang dilakukan. Pun begitu, pengalaman mengikuti aktiviti tersebut dilakukan secara berhati-hati agar ianya tidak melanggar syariat agama Islam. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Biasa jugak (pergi berkunjung rumah kawan), Tahun Baru Cina, makan-minum kita jaga-jaga ah .. [dia orang pun faham]..Selain tahun baru Cina,, saya ada ikut sambutan kuih bulan.. mula-mula pertunjukan tanglung ..kalu dia jemput saya pergi ahh hormatikita pergi tengok ah... tapi tak makan-makan lah”.¹⁴⁷

“Kalau kita makan, kita tak boleh kata u tak boleh makan khinzir, [kita buat meja dua, satu untuk I dan satu untuk orang lain], Banyak orang boleh makan yang meja I punya, kalau dia orang nak makan dengan kita dia orang campur dengan kita ..nak buat macam mana kan ...keluarga tak sama agama”.¹⁴⁸

Pemanifestasian dialog kehidupan yang didasari toleransi budaya banyak ditemui dalam hubungan dengan masyarakat Melayu Muslim seperti terlibat bersama dalam upacara gotong royong, kenduri-kendara dan majlis kahwin. Masyarakat Cina Muslim berkongsi dalam aktiviti gotong royong sebagai menghormati rakan-rakan yang berkongsi agama walaupun ianya kadang kalanya dilihat agak berbeza dengan norma kehidupan sehariannya. Biarpun begitu, bagi masyarakat Cina Muslim yang bermigrasi ke Terengganu, pengalaman melibatkan diri dalam adat resam masyarakat Melayu mungkin dianggap asing. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Macam makanan orang Melayu yang santan-santan & rempah-rempah anti tak berapa, tapi anti [adalah tolong-tolong dia orang]”.¹⁴⁹

“*First* saya bawak sirih, takut patah, lepas tuu masa hantar, dia kata sapa yang bawak sirih masuk dulula, hah (terkejut) [malulah, tak pernah saya buat]”.¹⁵⁰

¹⁴⁷ Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

¹⁴⁸ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁴⁹ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁵⁰ Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

“Gotong royong ia akan panggil mintak tolong koyak bawang, tanya saya macam mana nak bersihkan ayam, nak lembutkan ayam kita pun bagi tahu petua dia.. [dia orang doh boleh terima apa yang saya masak (masakan Cina) dia orang boleh makan]..Kalau kat pasar tuu dia orang bagi ayam... kak Nurul ambiklah ayam ni... masak ayam halia ke saya... saya masak lah, dia bawak balik ke rumah mak ayah dia semua...”¹⁵¹

Mohd Nor Manuty menyatakan bahawa toleransi budaya bukan bermakna komuniti Muslim boleh bertolak ansur dalam semua aspek budaya lain-lain kaum yang bertentangan dengan ajaran Islam.¹⁵² Dengan kata lain, perkongsian budaya hanya melibatkan aspek-aspek yang bukan dianggap eksklusif dalam agama. Sesungguhnya, jalinan dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu memaparkan elemen-elemen pembudayaan toleransi sebagaimana yang dijelaskan dalam sūrah al-Hujurāt ayat 13. Surah ini menjelaskan bahawa prinsip “*lita’ārafu*” iaitu saling kenal mengenal menjadi ikatan persaudaraan Muslim manakala perkenalan dengan masyarakat bukan Muslim pula adalah bertujuan memupuk hubungan yang harmonis.¹⁵³

4.9 Membetulkan Stereotaip Negatif Berteraskan Dialog Kehidupan Bijaksana

Hubungan antara agama berasaskan kebijaksanaan (al-Hikmah) dijelaskan dalam sūrah al-Nahl ayat 125. Dalam *Kamus Dewan*, kebijaksanaan dijelaskan sebagai menggunakan akal budi, kearifan dan berhati-hati. Dalam konteks hubungan Saudara Baru Muslim dengan masyarakat asal dan masyarakat Melayu Muslim, didapati banyak ditemui elemen-elemen dialog kehidupan yang berlatarkan kebijaksanaan. Bentuk-bentuk dialog kehidupan menggunakan akal budi, kearifan dan berhati-hati ini boleh dilihat

¹⁵¹ *Resp # 07 (Hokkien)*, dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹⁵² Mohd Nor Manuty (2009) *Islam Dan Toleransi Budaya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia: Beberapa Catatan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Islam Di Malaysia pada 23-24 Disember 2009* di Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Shah Alam.

¹⁵³ Khadijah Mohd Khambali et al., “Peranan Teratak Fitrah Dalam Melestarikan Jalinan Dialog Kehidupan Saudara Baru Sabah,” dalam *Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran*, (2010), 212.

ketika Saudara Baru Cina melakukan kunjungan ke rumah keluarga asal, sambutan perayaan, adat resam dan sebagainya. Dalam konteks berkunjung ke rumah keluarga asal, Norhana menjelaskan sebagaimana berikut :

“Walaupun masyarakat Cina yang memeluk Islam dipinggirkan oleh keluarga, mereka [dituntut untuk mengunjungi keluarga yang bukan Islam dengan menerapkan adab-adab ziarah menurut Islam dengan disulami akhlak-akhlak Islam yang murni]. Penglibatan langsung masyarakat Cina Muslim dalam kehidupan masyarakat asal mereka mampu menjelaskan kebenaran dan mengikis salah faham mereka terhadap agama Islam”.¹⁵⁴

Bertitik tolak daripada kenyataan Norhana di atas, dapat dijelaskan bahawa penglibatan Saudara Baru Cina dalam dialog kehidupan adalah untuk membetulkan semula stereotaip negatif masyarakat Cina terhadap agama Islam. Ann Wan Seng menjelaskan bahawa masyarakat Cina bukan Muslim menentang anak-anaknya melakukan konversi agama Islam kerana mereka menganggap ianya satu tindakan memutuskan hubungan keluarga.¹⁵⁵ Hasil dapatan yang dicontohkan seperti di bawah menunjukkan sebahagian masyarakat Cina Muslim dapat meredakan kemarahan ibu bapa dan keluarga dengan berkunjung ke rumah mereka. Maka dengan itu, dialog kehidupan berhikmat berasas pengajaran agama Islam melalui amalan ziarah, masyarakat Cina Muslim dapat mempamerkan kebenaran agama Islam terhadap keluarga asal. Temu bual daripada responden dijelaskan sebagaimana berikut:

“[Saya menziarahi ibu bapa saya bagi memujuk hati agar menjadi tenang semula]. Sewaktu menziarahi ibu bapanya, saya makan makanan yang halal sama ada disediakan oleh ibunya atau dibeli dari luar bagi mengambil hati ibunya. Dengan menunjukkan akhlak-akhlak Islam yang

¹⁵⁴ Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

¹⁵⁵ Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam* (Selangor: Kemilau Publika, 2012), 10.

baik, akhirnya [saya dapat meyakinkan semula keluarga agar menerima semula diri saya]”¹⁵⁶.

Selain daripada itu, responden juga akan mengajak ahli keluarga bukan Muslim makan di restoran yang ‘halal’. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Kalau Tahun Baru Cina, saya makan buah-buahan, pilih-pilih yang mana yang halal... [biasanya kita makan di restoran orang Melayulah]”¹⁵⁷.

Proses mengikis kekeliruan dan salah faham masyarakat Cina terhadap ahli keluarga yang menjadi Muslim (*becoming Muslim*) mengambil tempoh yang tertentu dan memerlukan keteraturan. Responden di bawah menjelaskan bahawa ibunya menerimanya dengan baik setelah dia berkahwin dengan pasangan Melayu atau memperoleh zuriat. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Bagi mengelakkan, salah faham ibu, [saya kerap kali menziarahinya termasuk semasa menyambut hari kebesaran masyarakat Cina] sehinggalah perkahwinan saya dengan pasangan berbangsa Melayu memberi ruang kepada ibunya untuk mengenal dan mempelajari budaya Melayu seperti adab meminang, berkahwin dan menerima menantu”¹⁵⁸.

“..... [bila dapat anak yang pertama].. ibu bapa baik sikit hubungan dengan saya”¹⁵⁹.

Dialog kehidupan dalam pengalaman Saudara Baru Cina di negeri Terengganu dilaksanakan dalam pendekatan yang pelbagai supaya ia boleh diterima umum, menonjolkan perkongsian yang bersifat relevan dan dapat menarik ahli keluarga bukan Muslim. Bagi memperlihatkan rasa kesetiaan yang tidak berbebelah bahagi kepada keluarga walaupun berbeza agama, didapati Saudara Baru Cina cuba mengendurkan

¹⁵⁶ Resp # 17 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

¹⁵⁷ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

¹⁵⁸ Resp # 02 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

¹⁵⁹ Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, tarikh 6 Disember 2012.

ketegangan dengan menyediakan makanan di rumah keluarga asal dan seterusnya menikmati makanan bersama mereka. Pengalaman sedemikian merupakan satu 'pemakluman secara simbolik' kepada ahli keluarga bahawa Islam tidak menghalang Saudara Baru melaksanakan aktiviti yang lazim dilakukan bersama keluarga seperti tinggal bersama, makan minum dan mengadakan majlis keraian. Selain menghilangkan salah faham terhadap agama Islam, jalinan dialog kehidupan yang berlaku di rumah ibu bapa Saudara Baru Cina dapat mengukuh semula hubungan kekeluargaan dan perpaduan antara intra etnik. Hasil dapatan menjelaskan sebagaimana berikut:

“Apabila saya berjalan ke rumah adik beradik .. makan minum saya keadaan bagaimana saya boleh makan...Lepas ibu saya meninggal, adik beradik menerima saya semula, [apabila hari raya saya bawa barang-barang mentah dari rumah saya buat BBQ di rumah ayah, saya buat nasi minyak dan saya masak di situ]”.¹⁶⁰

“Selepas saya kahwin, selepas saya dapat anak, emak dah boleh terima, maknanya hanya setahun..sekarang ni mak pun baik, adik beradik pun baik, kakak semuanya baik, [kalau hari raya adik beradik datang rumah saya akan masak dan kadang-kadang dia akan membantu saya]”.¹⁶¹

Selanjutnya, pengalaman dialog kehidupan dengan hikmah ditonjolkan semasa pengurusan kematian ahli keluarga yang bukan Muslim yang memberi impak yang tersendiri. Hikmah di sebalik aktiviti ini adalah untuk menunjukkan nilai kebenaran agama Islam yang menggalakkan memupuk kasih sayang sesama keluarga dan sikap mengambil berat terhadap keluarga.¹⁶² Justeru, masyarakat Cina Muslim dibenarkan melibatkan diri dalam upacara kematian selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syariat. Dapatan temu bual menjelaskan sebagaimana berikut:

¹⁶⁰ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹⁶¹ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁶² Ridzuan Tee, *Cabaran Saudara Baharu di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2012), 82.

“[Semasa kematian ayah saya, saya ada balik ..kita boleh pakai baju dia, pakai baju putih .. setahu saya kita boleh hormat dia macam ini, ini].. tapi kita tak boleh sujud ..Saya tanya ramai ustaz ...depan saya satu orang Islam saja..nanti orang lain cakap ini orang Islam biadab, yang lain semua Cina”.¹⁶³

“Pergi, .. [biasanya kita menziarahi, tengok si mati, bagi takziah kepada keluarga] ..seimbang-seimbang dengan kenalan, minum air lepas tu kita balik lah. [Kalau yang rapat tuu kita pergi jugak, kita hantar ke kubur] .. tengok-tengok sekejap, hadir diri lepas itu kita balik lah”.¹⁶⁴

Melalui dialog sesama keluarga, masyarakat Cina Muslim memberi kefahaman kepada masyarakat bukan Muslim bahawa wujud ruang-ruang yang boleh diikuti oleh seorang Muslim dalam menguruskan kematian keluarga. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Bila emak saya mati saya pergi.. tapi orang Melayu tidak bagi pergi.. bila saya pergi saudara mara memang ramai.. dia pun masing-masing mari duduk dekat saya.. dia tanya saya boleh datang ke?.. [saya kata boleh datang, cuma syaratnya, satu tidak boleh pergi sembahyang].. lepas itu waktu pergi kubur saya boleh pergi Lepas itu .. bila nak tanam mayat, dia kata kena kepal tanah , yang itu merupakan adat dia saya pun *confuse* takut ada unsur agama sebab dia ada unsur penyembahan .. dengan menyebut bacaan tertentu, dia lontar tanah yang dikepal di dalam kubur. Adat orang Cina pergi dekat mayat kena menangis, paksa menangis menjadi satu perkara yang wajib... saya kata dalam Islam seseorang itu tidak boleh menangis...Lepas itu saya memberitahu kepada ayah saya ketika emak saya mati tuu..[saya adalah bagi tahu ini boleh makan dan ini tak boleh makan macam air, kuih dan sebagainya] ... Semasa menggali kubur itu orang adalah memintanya memakai pakai upacara pengebumian...lepas itu saya kata ni keagamaan, saya kata ni tidak boleh pakai .. Cuma saya kata [sebagai nak menghormati saya pakai jugalah yang diikat yang berwarna merah]... dicucuk dengan jarum”.¹⁶⁵

Demikian juga dengan dialog kehidupan yang berlangsung dengan komuniti Melayu Muslim, pengalaman komuniti Cina mengolah sesuatu isu dengan hikmah menjadikan

¹⁶³ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁶⁴ Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14. November 2012.

¹⁶⁵ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

perkongsian tersebut lebih menarik. Selain keperluan informatif, penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam budaya tradisi Melayu seperti kenduri, gotong royong dan urusan perkahwinan menunjukkan ianya dilaksanakan bagi menjaga keharmonian antara kaum. Melalui dapatan yang diperoleh dalam temu bual dijelaskan sebagaimana berikut:

“[Macam kenduri kahwin ada pergi, saya tolong macam kawan-kawan]..saya selalu dipanggil untuk [urusan meminang, hantar ke rumah pengantin baru, bawa hantaran]”.¹⁶⁶

“Anak-anak saya kahwin guna adab Melayu. Saya banyak wakil ke adik ipar saya. [Saya belajar dari situlah.. adat merisik, meminang.. bersanding] .. tapi orang Cina lebih kurang je dengan Melayu budaya nak kahwin..dia orang pun ada merisik juga.. sama sahaja”.¹⁶⁷

“Gotong royong ia akan panggil minta tolong kupas bawang, [tanya saya macam mana nak bersihkan ayam, nak lembutkan ayam kita pun bagi tahu petua dia].. dia orang dah boleh terima apa yang saya masak, dia orang boleh makan..Kalau dekat pasar tuu dia orang bagi ayam, “Kak Nurul ambil ayam ini masak ayam halia ke saya”, saya masaklah , dia bawa balik ke rumah mak ayah dia ...”.¹⁶⁸

“Kalau rumah yang kita kenal tu, jiran kita pergilah.. [kita tolong potong bawang, siang ayam, apa yang perlu kita buatlah, kita tengok yang mana tempat kurang tenaga kita gi]tempat itu”.¹⁶⁹

“Macam dia orang nak buat [tahlil kita pergilah jemput budak-budak dari Maahad Tahfiz] berapa orang dan *join* dengan dia orang sekali, sembahyang”.¹⁷⁰

Penglibatan komuniti Cina dalam dialog kehidupan berorientasikan praktis agama Islam telah mendatangkan manfaat dan telah memberi sumbangan terhadap jalinan *ukhuwah* Muslim yang lebih dinamik. Sekali gus dialog kehidupan yang efektif ini akan memperteguhkan lagi komuniti Cina Muslim terhadap ilmu berkaitan tentang agama Islam. Dalam usaha mengelakkan Cina yang baru memeluk Islam tidak merasa

¹⁶⁶ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁶⁷ Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹⁶⁸ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

¹⁶⁹ Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁷⁰ Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

terabai dan terbiar, tidak ada senjata yang lebih berkesan daripada sokongan dan dokongan daripada masyarakat Muslim di sekitar khususnya untuk membina kesetiaan dan penerimaan yang tidak berbelah bahagi terhadap agama Islam. Justeru, hubungan langsung komuniti Cina Muslim dan Melayu Muslim melalui pelbagai bentuk perkongsian aktiviti mampu membina suasana kehidupan yang lebih harmoni dan terbentuk satu institusi yang lebih sistematik yakni Saudara Baru bukan menjadi kelompok yang terpinggir (*marginalised group*).

4.10 Dialog Kehidupan Dibatasi Syariat Dan Akhlak Islam

Suatu hal yang sangat memberangsangkan ialah proses membina semula hubungan Saudara Baru Cina dengan masyarakat asal dilakukan mengikut kerangka yang digariskan oleh syariat dan akhlak Islam. Dialog kehidupan yang dilingkungi ajaran agama ini boleh diperhatikan dalam pengalaman tinggal bersama, makan minum, pakaian dan adat resam masyarakat Cina asal. Dalam konteks berkunjung dan tinggal bersama keluarga asal, didapati masyarakat Cina Muslim melaksanakan tuntutan agama seperti solat dan puasa secara terbuka di rumah keluarga asal. Pengalaman daripada responden menyatakan sebagaimana berikut:

“Saya tak ada [masalah dengan mak ayah, isteri saya juga tidak ada masalah kalau balik rumah mak saya tidur rumah dialah, kita boleh solat], dia masak baik punyalah, dia punya kualiti baik punya, berapa tahun dah dia tidak makan babi, kalau tahun baru Cina saya sambut juga, pergi jalan sana rumah adik, rumah sepupu. Kalau bulan puasa, dia [suruh kita puasa dia cakap Islam mesti puasa]. Kalau datang rumah saya, dia tidur tiga hari ...saya ajak dia masuk Islam, dia berat sikit”.¹⁷¹

Dapatan juga menunjukkan bahawa perkongsian hidup dengan dibatasi syariat agama yang paling ketara boleh diperhatikan dalam soal makan dan minum. Masyarakat Cina

¹⁷¹ Resp # 19 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

Muslim berhati-hati dengan hanya mengambil makanan yang benar-benar terjamin halal. Justeru, pemerhatian aspek halal bukan sahaja kepada kualiti makanan malah meliputi penggunaan alat memasak dan proses penyediaan makanan. Responden menjelaskan sebagaimana berikut:

“Saya akan pergilah (berkunjung), saya akan raya sekali dengan dia [orang cuma kena pandai jagalah contohnya kalau makan minum tu saya jaga halal-haram] lah ...”¹⁷²

Sehubungan dengan itu, didapati dalam kalangan responden menyediakan peralatan memasak dan set pinggan mangkuk yang khusus ketika menziarahi keluarga. Keluarga yang mengambil makanan haram seperti babi lazimnya memahami tujuan yang dilakukan oleh anaknya yang memeluk agama Islam. Dalam masa yang sama, keluarga bukan Muslim mengambil langkah awal seperti membersihkan tempat memasak dan peralatan memasak. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Tak ada masalah, [makan minum kita buat cuci semua, kita beli set pinggan, kita beli kualiti..kita masak asinglah] ..kita tau kan kita cuci bersih-bersih kita boleh pakai, mak saya kalau saya balik, dia cuci satu hari tau itu periuk, itu pinggan, takkan kita nak sakit hati dia pulak..”¹⁷³

Namun begitu, wujud dalam kalangan responden mengambil langkah tidak mengambil makanan yang disediakan memandangkan responden merasa ragu terhadap bekas yang digunakan. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Saya balik rumah abang saya dekat Jalan Pejabat, tapi saya [tidak makan makanan dia sebab saya rasa waswas makanan] dia ..pastu dia marahlah.. ‘ balik tak makan, balik buat apa’.. dia marah saya, biasa dia tempah dari orang Melayu, saya faham, [tapi bekas dia tu saya waswas sudu serba serbi, pinggan. Ada sebab saya tak lalu nak makan]. Sebab keluarga saya memang jenis makan daginglah”¹⁷⁴

¹⁷² Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

¹⁷³ Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

¹⁷⁴ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

Selain daripada itu, dialog kehidupan dibatasi syariat agama dapat dilihat dalam aspek menjaga aurat. Responden di bawah menjelaskan bahawa pengalaman memakai tudung ketika berjalan dengan ibunya yang bukan Muslim menimbulkan sedikit ketidakselesaan. Pun begitu, ianya mengambil tempoh yang tertentu bagi memberi kefahaman terhadap masyarakat Cina tentang menjaga aurat. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Dia (ibu) tanya saya, saya selalu jawab, dia tanya itu tak boleh makan, arak tak boleh minum bila saya cakap dia orang semua fahamlah ..mula-mula mak saya cakap [buat apa kau pakai tudung tak pakai tak boleh ke?] I cakap ini hukum Islam, u nak I jadi dosa ke? lepas itu saya ikut dia mana-mana, dia kata ini anak saya.. orang tanya, apasal dia pakai tudung? .. dia Islam .. mula-mula dia rasa malu ..lepas tu sekarang dia dah faham dia dah biasa”.¹⁷⁵

Selanjutnya, dialog kehidupan yang dibatasi syariat Islam masyarakat Cina Muslim juga dapat diperhatikan ketika menziarahi kematian ahli keluarga bukan Islam yang meninggal. Dapatan menunjukkan masyarakat Cina Muslim sangat berhati-hati dalam melibatkan diri semasa urusan kematian dijalankan. Justeru dalam konteks ini, penjelasan yang berhemah disampaikan kepada ahli keluarga agar tidak timbul sikap prejudis dalam menjalinkan hubungan. Perihal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Adat orang Cina pergi dekat mayat kena menangis, paksa menangis menjadi satu perkara yang wajib... saya kata dalam Islam seseorang itu tidak boleh menangis...Lepas itu saya memberitahu kepada ayah saya ketika emak saya mati tu..[saya adalah bagi tahu ini boleh makan dan ini tak boleh makan macam air, kuih dan sebagainya.]”.¹⁷⁶

¹⁷⁵ Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

¹⁷⁶ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

Namun begitu berkait dengan ini juga, penulis mendapati tidak seorang pun responden yang melibatkan diri dalam perayaan *Ching Ming* kerana bimbang menyalahi hukum agama. Ini sebagaimana dijelaskan:

“[Saya dok gi (tidak pergi) *Ching Ming*] sebab saya kata *Ching Ming* ni banyak unsur agama ... dia sembah hantu.. dia bawak kuih koci”¹⁷⁷

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa seiring dengan pengajaran agama Islam didapati hubungan masyarakat Cina selepas konversi banyak dibatasi dengan syariat dan akhlak agama itu sendiri. Penerimaan ahli keluarga terhadap amalan agama yang dilakukan oleh Saudara Baru menunjukkan wujud perubahan sikap daripada konflik kepada lebih bertoleransi. Ini dibuktikan semasa responden melaksanakan amalan agama dalam pengalaman tinggal bersama, kunjungan ziarah, makan bersama dan sambutan perayaan. Justeru, dapatan selari dengan kajian yang dilakukan oleh Suraya Sintang bahawa dialog kehidupan Saudara Baru pasca konversi banyak berlangsung mengikut batasan syariat agama.¹⁷⁸

¹⁷⁷ Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012

¹⁷⁸ Suraya Sintang, “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah”, 225.